AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 19 | RABU 11HB MEI, 1983. | 1403 رابو 28 رجب | PERCUMA

## TYT Nakasone adakan lawatan singkat ke sini

RAKAS. — Tepat ul 11.15 pagi, pesawat ang khas yang mem- a T.Y.T. Yasuhiro kasone, Perdana nteri Jepun dan rom- gan selamat mendarat Lapangan Terbang An- bangsa di sini untuk ngadakan lawatan ni kira-kira empat jam negeri ini setelah atan rasminya ke laysia pada hari Selasa b. Mei lepas.

Ketibaan Tuan asone yang ditemani h isterinya, Puan tako Nakasone dan erapa orang menteri inetnya dialu-alukan Y.T.M. Paduka Seri i Pengiran Perdana zir Sahibul Himmah l-Waqar Pengiran da Mohamed Bolkiah aku wakil peribadi bawah D.Y.M.M. duka Seri Baginda tan dan Yang Diper- n dan disertai oleh T.M. Pengiran Anak eri Pengiran Anak iah.

Tuan Nakasone kemu- nnya telah menerima ik hormat panglima i satu perbarisan kehor- tan yang terdiri dari ggota-anggota Pasukan kar Melayu Diraja Brunei. Sejurus selepas memeriksa perbarisan itu Tuan Nakasone diperkenalkan pula kepada pembesar-pembesar negara serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang turut mengalu-alukan ketibaan beliau.

Dari lapangan terbang, Tuan Nakasone, isteri beliau dan beberapa orang menteri kabinetnya pula telah beredar ke Is tana Darul Hana untuk mengadap Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama di Istiadat Mengadap itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Serentak dengan itu dalam Istiadat Mengadap yang lain, Puan Tsutako Nakasone telah mengadap Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Turut berangkat ialah Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Y.T.M.

(Lihat muka 20)



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menerima mengadap TYT Yasuhiro Nakasone di Istana Darul Hana.

# LEBIH 5 RIBU EKAR HUTAN TERBAKAR

Oleh: Mohamad Salim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seluas lebih 5518 ekar hutan dan rumput di seluruh negeri telah dilaporkan terbakar dalam kejadian kebakaran hutan sepanjang tiga bulan pertama tahun ini berikutan musim kemarau.

Keluasan tersebut lebih delapan kali ganda dari yang pernah dicatatkan terbakar dalam tempuh yang sama pada tahun 1982 seluas 699.5 ekar.

Pegawai Turus Pasukan Bomba, Awg Zaidi bin Haji Mohd Daud ketika memberitahu Pelita Brunei berkata, kebakaran hutan yang dilaporkan sepanjang tiga bulan itu berjumlah 337 panggilan, rumput 372 panggilan dan lain-lainnya 73 panggilan dari keseluruhan panggilan kecemasan dan kebakaran sebanyak 782.

Awg Zaidi berkata pihaknya juga telah menaksirkan sejumlah $134,202.00 harta benda telah musnah dalam kesemua kebakaran yang dilaporkan itu.

Di samping itu katanya, seramai empat orang awam telah juga dicatatkan terbunuh dalam satu kejadian kebakaran di Kilang Papan Kampung Sinuyong, Batu Apoi, Temburong dan dua orang yang lain dalam kejadian helikopter terhempas di Kampung Pancha Delima dalam tempuh berkenaan.

Menurut Awg Zaidi jumlah panggilan kecemasan dan kebakaran dalam tempuh berkenaan tahun ini melebihi enam kali ganda berbanding dalam tempuh yang sama dari tahun lalu yang berjumlah 134 panggilan.

"Malah jumlah panggilan tiga bulan pertama tahun ini melebihi dari jumlah keseluruhan panggilan yang telah dicatatkan tahun lalu sebanyak 707 panggilan," ujarnya.

Kebakaran hutan yang telah dilaporkan dalam tiga bulan tahun lalu berjumlah 26 panggilan, rumput 31 panggilan dan lain-lain 77 panggilan, manakala kerugian harta benda ditaksirkan berjumlah lebih $1,338,800.00 yang juga melibatkan kebakaran ke atas rumah.

Menjelaskan kebakaran hutan yang kebanyakannya tidak dapat dikawal sehingga menjejaskan keluasan yang begitu besar tahun

Lihat muka 20



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika menerima mengadap Puan Tsutako Nakasone.

**MANISNYA IMAN** "SEBERAT-BERAT cabaran ialah kamu mengharapkan kepada apa yang dalam tangan (kuasa) orang lalu kamu dihalang." — HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi daripada Ibnu Abbas r.a.

Pelita Brunei

11HB. MEI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PERSIDANGAN ASIA MENGENAI SOAL PALESTIN:

## KITA TELAH MENYATAKAN SIKAP

BRUNEI telah menyertai Persidangan Asia Mengenai Soal Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur minggu lepas. Walaupun bertaraf pemerhati di persidangan yang dihadiri oleh empat puluh buah negara Asia dan lebih lima puluh buah pertubuhan namun negeri kita telah menyuarakan pendapat dan menyatakan harapan bagi penyelesaian pertikaian yang telah mencemaskan dunia sejak lebih tiga puluh tahun itu.

Penyertaan Brunei itu tentu menarik perhatian pemerhati-pemerhati dan penganalisa-penganalisa politik luar negeri. Yang jelas ialah kita sedang giat mempersiap diri bagi memikul sepenuhnya tanggungjawab antarabangsa sebab tidak berapa lama lagi kita akan menyertai masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Soal Palestin telah menjadi isu antarabangsa yang telah dan terus menerus mendapat perhatian, maka memang selayaknya Brunei akan turut sama memberi perhatian dan mengharapkan penyelesaiannya yang adil lagi kekal.

Satu perkara lagi ialah persidangan tersebut adalah di bawah riayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mana Brunei — seperti yang dibayangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Peguam Negara kita di persidangan tersebut adalah menaruh kepercayaan dan harapan terhadap cita-cita yang terkandung dalam 'Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu' bagi keselamatan dan kewujudannya.

Suara Brunei di persidangan itu sama lantangnya dengan suara-suara yang menuntut huraian yang adil dan kekal bagi masalah Palestin. Lebih penting lagi ialah kita telah menyuarakan tentang peri mustahaknya jaminan keselamatan ke atas negara-negara kecil. Jika Yahudi terus menerus mencerubuh hak Palestin dan berleluasa mencabuli Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu tanpa sebarang halangan yang berkesan oleh badan dunia itu maka kedudukan tersebut sangat tidak menjamin keselamatan dan keutuhan kedaulatan negara-negara kecil yang tidak mampu mempertahankan diri sendiri dari pencerubuhan. Yang demikian tentulah dunia tidak akan menjadi tempat yang aman sebagaimana menjadi harapan umat manusia.

Selain itu, Brunei yang telah memperlihatkan pendiriannya dengan jelas dalam mencari huraian masalah Palestin. Sebarang huraian adalah sukar dicapai melainkan masyarakat antarabangsa bersungguh-sungguh dan ikhlas membawa bersama-sama semua pihak yang terlibat termasuklah Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) sebagai mewakili rakyat Palestin. Pendirian kita itu se[...] setelah mengamati kesel[...] yang melibatkan banyak pi[...] sekian lama masyarakat an[...] berupaya mendapatkan h[...] lagi kekal.

Pendirian kita itu tentu ak[...] pihak-pihak yang bermi[...] yang sedang mengagak [...] dasar luar Brunei apabi[...] masyarakat antarabangsa [...] menampak niat baik kita. Y[...] kira oleh mana-mana pi[...] guhpun kecil namun Bru[...] memerlukan keamanan d[...] jahteraan umat manusia se[...] tingan keselamatannya seba[...] di tengah-tengah pergola[...] tegang oleh berbagai-baga[...] mematutkannya untuk me[...] bagi kerjasama dan persefa[...] masyarakat antarabangsa.

Bagi kita di Brunei, penyert[...] sidangan Asia mengenai so[...] selayaknya akan menye[...] semangat dan kemahuan u[...] ertikata bangsa dan negara [...] berdaulat, insya-Allah.

# SUMBANGAN KELAB ROTAR[...] DIALUKAN

**BERIKUT ialah ucapan YAB Pemangku Menteri Be[...] Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz se[...] mian Malam Amal Persefahaman Sedunia pada 1hb. [...] Oditorium Pusat Tingkatan Enam, Gadong.**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah menjadikan manusia berbagai suku dan kaum supaya mereka menjalin persefahaman, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam yang telah menegakkan perdamaian.

Terlebih dahulu saya dan juga isteri saya sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kelab Rotary, Bandar Seri Begawan, kerana menjemput kami hadir ke Malam Amal Persefahaman Se Dunia dan seterusnya memberi saya penghormatan merasmikan majlis malam ini.

Seperti yang kita samasama maklum, Kelab Rotary di Brunei ini telah pun membuat berbagai sumbangan kemasyarakatan, oleh yang demikian atas apa jua khidmatnya yang berkebajikan dan berfaedah bagi negara ini, adalah kita alu-alukan dan patut mendapat penghargaan.

Saya sendiri sentiasa menaruh harapan bahawa melalui ahli-ahli yang terdiri daripada berbagai puak keturunan, profesion, yang terdapat di negeri ini, Kelab Rotary Bandar Seri Begawan akan berupaya membuat sumbangan yang berterusan ke arah menubuhkan persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk negeri ini, kerana usaha sedemikian adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan negeri Brunei Darussalam yang menginginkan wujudnya masyarakat Brunei yang kukuh dan bersatu padu. Dalam saat-saat negara Brunei Darussalam semakin dekat dengan zaman kemerdekaan penuh lagi tulen, perpaduan itu semakin mendapat keutamaan, kerana Kerajaan sedar sumber tenaga manusia yang bersatu padu adalah sebaik-baik asset pada mengekalkan dan meneruskan keadaan yang penuh dengan keamanan dan ketenteraman sematamata pada menjamin bahawa pembangunan dan kemajuan Brunei akan berjalan lancar demi faedah kesejahteraan kita semua dan juga generasi yang akan datang.

Selaras dengan hasrat serupa itu, meskipun Kelab Rotary Bandar Seri Begawan mempunyai perkaitan yang rapat dengan lain-lain kelab yang seumpamanya di seluruh dunia, akan tetapi kelab ini haruslah sentiasa mengambil ingatan bahawa ia tumbuh dan bertapak di bumi Brunei Darussalam, kerana itu, dalam pada mempertahankan prestasinya sebagai kelab yang bertaraf antarabangsa, Kelab Rotary barang setentunya akan lebih mendapat penghargaan masyarakat jika ia memberikan penumpuan dan keutamaan yang berterusan pada memberikan sumbangan yang berkebajikan bagi rakyat dan penduduk di negeri ini, kerana dalam apa jua keadaan pun, sumber tenaga manusia yang berkemahiran yang agak terbatas di negara ini mestilah disalurkan pada keutamaan yang benarbenar memerlukannya iaitu bagi memikul kewajipan dan tanggungjawab di bidang pembangunan dan perkembangan negara ini. Keutamaan seperti ini bukanlah suatu perkara yang bercanggah dengan amalan lain-lain negara di dunia ini, di mana kita sendiri melihat bahawa masing-masing bangsa menginginі kesempurnaan dalam negaranya terlebih dahulu.

Berhubung dengan persembahan kebudayaan yang mengisi Malam Amal Persefahaman Se Dunia yang dianjurkan oleh Kelab Rotary ini, maka di samping menunjukkan persembahan kebudayaan dari berbagai bangsa kita haruslah mula dan sentiasa menumpukan perhatian pada saat-saat Brunei sedang membangun ini, terhadap identiti keBruneian, adat resam dan corak hidup orang Brunei, barang setentunya hendaklah difahami dan diamalkan sebagai teras persefahaman dan perpaduan di negara ini.

Dengan semangat identiti keBruneian itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk di negara ini untuk mengekalkan persefahaman bahawa pertumbuhan kebudayaan dan kesenian di negara ini hendaklah terus menerus dengan maksud mengekalkan keharmonian hidup yang sedia ada, dengan demikian dalam pada menghargai adat resam dan kesenian kita masing-masing apatah lagi kebudayaan dari luar negeri, kita hendaklah sentiasa mengambil ingatan bahawa Brunei telah sedia ada dengan ciri-ciri yang membentuk kehidupan orang-orang Brunei sendiri, yang mana antara lain berpegang kepada keyakinan bertuhan, kesetiaan kepada Raja yang turun-temurun beragama Islam, adat bersendikan Syarak dan berpegang kepada landasan pemikiran orang-orang Melayu yang patut dan rasional.

Melalui penekanan seperti itu tidaklah patut kita teragak-agak, dan melalui langkah-langkah yang berketenteraman, kita haruslah mengurangi bahkan meninggalkan apa jua corak pengaruh yang bertentangan dengan dasar-dasar yang membentuk kehidupan keBruneian itu, kerana seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi tugas kita sekarang bukan hanya setakat meneruskan kebiasaan-kebiasaan lama yang diamalkan oleh pelbagai kaum itu, akan tetapi menilai tradisi dari segi menfaatnya kepada motivasi rakyat dan penduduk yang sepatutnya lebih didorong kepada suatu corak kehidupan yang berkemajuan, berkembang, berkesempurnaan dan berkesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan dan negara, di samping itu kita haruslah pula memelihara apa jua unsur yang akan menjadi teras perpaduan di negara ini yang bersesuaian dengan identiti keBruneian itu.

Menilai perpaduan, dengan sendirinya bererti bagi kita di Brunei menolak apa jua pengaruh yang sia-sia yang difikirkan akan menimbulkan pergisiran masyarakat atau social conflict, dengan itu dasar-dasar kehidupan keBruneian seperti yang saya jelaskan tadi haruslah dihormati, dipatuhi oleh setiap rakyat dan penduduk negara ini sebagai sebaik-baik asas pada mengelakkan rasa curiga antara satu sama lain, dan sebagai sebaik-baik bukti akan kesetiaan setiap puak dan keturunan terhadap Sultan dan negara. Oleh yang demikian tanggungjawab kita di segi kebudayaan bukanlah setakat merestui semua corak kebudayaan itu apatah lagi yang datangnya dari luar, akan tetapi kita perlu memastikan bahawa pengaruh-pengaruh kebudayaan yang akan kita hargai dan hormati itu mestilah tidak akan merombak unsur-unsur kehidupan kita yang harmoni dan sejahtera, sebab kita terlalu banyak menerima unsur-unsur kebudayaan yang tidak berteraskan identiti keBruneian, satu gejala lain akan timbul iaitu kesukaran pada mengasuh pelbagai kaum untuk mensebatikan diri mereka sebagai rakyat yang berlindung di bawah satu panji-panji yang tunggal iaitu Brunei Darussalam. Melalui pengucapan sedemikian itu, kita tidaklah bermaksud bahawa Brunei akan menjadi sebuah negara yang memencilkan diri dari unsur-unsur dunia antarabangsa, akan tetapi kita bermaksud bahawa apa jua yang hendak kita terima dalam alam kehidupan kita mestilah terlebih dahulu melalui pemilihan atau pengkajian dan penelitian supaya unsur-unsur yang kita terima itu tidak akan menyebabkan kita kehilang[...] terumban[...] hanyut d[...]

Harapa[...] atas saya [...] suatu yang [...] dicapai [...] menyimpa[...] tuk me[...] penghar[...] matan ki[...] unsur ke[...] lain bag[...] semata-m[...] datangka[...] yang aka[...] kita dorong[...] kehidupa[...] benar be[...] kerohania[...] bidang pe[...] kemajua[...] Dengan [...] kita bers[...] unsur-un[...] kebudaya[...] tetapi [...] menerim[...] amalkan [...] itu jika [...] menolo[...] kukuhka[...] dan jika [...] ciri-ci[...] keBrun[...] pengaru[...] benar-be[...] bantu me[...] pengerti[...] yang luas [...] aspek-as[...] yang be[...] banguna[...] bahagia.

Akhir[...] saya uca[...] banyak [...] dengan [...] Malam [...] fahaman [...] Kelab R[...] Begawa[...]



...seorang isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang ...matkan kursus menerima sijil yang di sampaikan oleh Datin ... bte Haji Ali, isteri Peguam Negara.

## Menamatkan Kursus

...DONG. – Seramai 16 ... isteri pegawai-...gawai Kanan Kerajaan ...h menamatkan kursus ...reka di Pusat Latihan ...abat Perjawatan di ...an Kumbang Pasang di ... pada hari Khamis ...hb. April lepas.

...rsus tersebut telah ...dakan selama empat ..., yang mana telah ...ikan dengan ceramah-...ramah yang disam-...kan oleh pegawai-...gawai kanan Kerajaan.

Peserta kursus kumpulan ketiga yang terdiri dari isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan ini telah menerima sijil-sijil mereka yang telah disampaikan oleh isteri Peguam Negara, Datin Masni bte Hj. Ali yang telah diadakan di pusat itu pada hari tersebut.

Hadir sama di majlis penyampaian sijil itu ialah terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

## Ikuti Seminar

...NDAR SERI BEGA-...AN. – Jabatan Per-...watan Bahagian Unit ...tihan menganjurkan ...minar Pengurusan bagi ...gawai-pegawai Kanan ...rajaan selama empat ...ari.

...minar tersebut di...gikan kepada dua ...mpulan. Kumpulan per-...ma akan mengakhiri ...inar tersebut pada hari ..., sementara seminar ...gi kumpulan kedua ...an diadakan pada 12hb. ... 14hb Mei.

...minar tersebut di...diri oleh 40 orang ...gawai kanan Kerajaan ...n diadakan di Unit ...tihan, di Jalan Kum-...ang Pasang.

...mentara itu, kursus ...gi kumpulan ketiga yang ...diri dari isteri-isteri ...gawai Kanan Kerajaan ...lah berakhir pada 5hb. ...ei yang lalu.

...rsus selama lima hari ...g di hadiri oleh 23 orang ...teri pegawai-pegawai ...anan Kerajaan.



BANDAR SERI BEGAWAN. – Pg. Mohd. Don bin Pg. Haji Besar, Pembantu Perkebunan Kanan di Jabatan Pertanian (atas) kini berada di Australia untuk mengikuti kursus Amenity Horticulture di Darwin Community College, Darwin selama lima minggu.

Pemergian Pg. Mohd. Don adalah merupakan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memperoleh pegawai-pegawai yang cukup terlatih dan cekap dibidang amenity horticulture bagi faedah memudahkan perlaksanaan rancangan Kerajaan untuk membisaikan Bandar Seri Begawan bukan sahaja bagi maksud menyambut hari kemerdekaan pada hujung tahun ini bahkan juga bagi tujuan jangka panjang untuk menjadikan Bandar Seri Begawan, ibu kota yang bersih, cantik dan sentiasa hijau.

Pg. Mohd. Don diberi tanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja landscaping yang berjalan di kawasan-kawasan sekitar bangunan-bangunan Kerajaan di Bandar Seri Begawan ketika ini.

## 3 DINAIKKAN PANGKAT SEBAGAI PENOLONG PENGARAH JKR

BANDAR SERI BEGAWAN. – Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menaikkan pangkat empat orang Jurutera di Jabatan Kerja Raya.

Tiga orang dari mereka dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Kerja Raya. Mereka ialah Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamaruzaman bin Pg. Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pg. Haji Ali, Pg. Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pg. Haji Ismail dan Awang Ong Kai Hock.

Sementara Awang Michael Ng Fatt Fook dinaikkan pangkat sebagai Jurutera Kerja Kanan.

Kedua-dua jawatan tersebut adalah dalam sukatan gaji Kumpulan 4 dan kenaikan mereka bermula pada 1 hb. Januari, 1983.

Keempat-empat orang pegawai tersebut lulus ijazah/Sarjana Muda Sains dari universiti di United Kingdom dan Kanada dan menjadi Ahli Institution of Civil Engineers (MICE) United Kingdom.

Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera mula berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Pembantu Teknik pada 2hb. Nobember 1972. Yang Amat Mulia kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Jurutera pada 1hb. Ogos, 1977 dan dilantik sebagai Jurutera Air Daerah pada 1hb Nobember, 1981.

Pengiran Abu Bakar lulus Sarjana Sains dalam bidang Kejuruteraan Binaan. Beliau mula bekhidmat pada 5hb. Ogos, 1974 sebagai Jurutera. Empat tahun kemudian beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Jurutera Kerja. Sebelum dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah beliau ialah Jurutera Pembinaan.

Awang Ong Kai Hock mula berkhidmat sebagai Jurutera dalam tahun 1971 dan dinaikkan pangkat sebagai Jurutera Kerja Kanan pada 1hb. Januari 1981.

Awang Michael Ng Fatt Fook mula berkhidmat sebagai Jurutera mulai 1hb. September, 1973 dan dinaikkan pangkat sebagai Jurutera Kerja pada 1hb Jun, 1981. Pada masa ini beliau bertugas di Pejabat Kerja Raya Kuala Belait.



Y.A.M. Pengiran Negara Indera Pg. Anak Kamarulzaman



Pg. Abu Bakar



Awg. Ong Kai Hock

## Ketetapan harga-harga Kereta Toyota, Nisan dan Suzuki

Baru-baru ini Pengawal Harga telah bersetuju meluluskan/menetapkan harga-harga Kereta yang tersebut di atas masing-masing dari Syarikat "NBT" dan "Boustead Marketing & Management Services Pte. Ltd.,". Ketetapan harga-harga yang dinyatakan di bawah ini bermula dari tarikh kereta-kereta tersebut dimasukkan/dijual pertama kalinya di Brunei seperti berikut:—

A. SYARIKAT NBT (Brunei) Ltd:—

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| TOYOTA TERCEL DX (A/Cond) Model : AL 20R — ZHMDS | $11,900.00 | $12,546.00 |
| TOYOTA TERCEL 4 X 4 S/WAGON Model : AL 25RG — ZWFDS Aircondition | $15,750.00 | $16,627.00 |
| TOYOTA COROLLA COUPE Model : KE 7OR — ECMDS Aircondition | $13,150.00 | $13,875.00 |
| TOYOTA CELICA LIFTBACK Model : RA 6OR — BLMSS Aircondition | $17,000.00 | $17,912.00 |
| TOYOTA CELICA SUPRA Model : MA 61R — BLMQFW Aircondition | $24,800.00 | $26,007.00 |

B. SYARIKAT BOUSTEAD MARKETING & MANAGEMENT SERVICES PTE LTD.

| | | |
|---|---|---|
| NISSAN MARCH (A/Cond) Model : K10FUCT (1,000 c.c) | $10,250.00 | $10,757.00 |
| NISSAN LEOPARD (Auto) Model : PF30GAEL (2,000 c.c) Aircondition | $25,150.00 | $26,121.00 |

Untuk makluman orang ramai bahawa setiap buah jenis kereta yang telah diluluskan/tetapkan harganya oleh Pengawal Harga akan diberi tanda harga yang telah dichop dan ditanda tangani oleh pehak Pengawal Harga. Dari itu orang ramai khususnya pembeli-pembeli adalah diminta memberikan kerjasama untuk melaporkan kepada Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan telefon number 25555, Yunit Perancang Ekonomi, Bandar Seri Begawan, Brunei, mana-mana agent penjual kereta yang didapati senghaja tidak memberi tanda harga atau memberi tanda yang tidak menpunyai chop dan tanda tangan pehak Pengawal Harga dengan seberapa segera yang boleh bagi penyiasatan dan tindakan seterusnya.

## Kempen X-ray

TUTONG. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan meneruskan kempennya untuk mengX-ray penduduk-penduduk kampung di pendalaman.

Unit penggambaran itu akan berada selama dua hari di Kampung Pengkalan Mau iaitu pada 12hb. dan 14hb. Mei untuk mengX-ray penduduk-penduduk kampung tersebut.

Rombongan tersebut akan berada di Kampung Batang Mitus pada 16hb. dan 17hb. Mei sementara di Kampung Kiudang pada 21hb. dan 23hb. Mei.

Penduduk-penduduk kampung-kampung yang berkenaan yang berumur 15 tahun ke atas adalah di kehendaki menjalani penggambaran X-ray tersebut.

## Ketetapan harga barang keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 4hb. Mei, 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING: $7.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOP HOCK HUAT NO 62, JALAN MCARTHUR.
2. SAYUR KINCHAM: $5.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. HEN LOONG, NO 31, JALAN SULTAN.
3. KARI DAGING (CAP RUSA): $1.50 – setin boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOP HOCK HUAT, NO 62, JALAN MCARTHUR

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING: $8.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. KOH KIT HIN, NO 28, JALAN PRETTY.
   2. GUAN HENG, NO 30, JALAN SUNGAI.
   3. ENG SOON SENG, NO 58, JALAN PRETTY.
2. SAYUR KINCHAM: $6.40 sekati boleh dibeli da i kedai berikut:—
   1. YICK YUEN, NO 3, JALAN PRETTY.
3. KARI DAGING (CAP RUSA): $1.80 – setin boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOO SENG, NO 20, JALAN SUNGAI.

# SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

# LEBIH 300 SERTAI LUMBA JALAN KAKI

Lebih 300 orang peserta telah memberikan sambutan yang menggalakkan ke atas lumba jalan kaki tajaan yang dianjurkan bersama oleh BAFA dan BISTARI pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan yang bermula dari hadapan bangunan Setiausaha Kerajaan itu dan berakhir di Pantai Tungku Gadong didahului oleh Yang Dipertua BAFA, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman dan Yang Dipertua BISTARI Datin Edah serta Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien.

Perlumbaan yang meliputi sejauh 12 batu itu telah disertai oleh semua lapisan masyarakat dan akan menjadi kegiatan kepada kedua badan tersebut.

Inisiatif pada mengadakan perlumbaan seperti ini adalah semata-mata untuk menjadi tabung kebajikan pasukan kebangsaan dan tabung kebajikan BISTARI.

Pemenang dalam perlumbaan itu telah menerima hadiah-hadiah mereka yang disampaikan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien.




YB PEMANGKU Setiausaha Kerajaan dan YB Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan mendahului peserta-peserta lumba jalan kaki tajaan.



SEBAHAGIAN dari peserta sewaktu hendak memulakan perlumbaan.

## Pemain-pemain Kebangsaan terima set televisyen

PENAT lelah yang diberikan oleh para pemain Brunei Piala Malaysia dalam bertungkus lumus menempatkan negara ke suku akhir buat pertama kali telah dibalas dengan bukan saja setakat pujian dan sanjungan malah juga berupa material.

Bertempat di Pantai Tungku Gadong selesai saja perlumbaan jalan kaki tajaan, penyampaian hadiah-hadiah kepada pemain kebangsaan sempena berjaya ke suku akhir telah diadakan.

Para pemain telah menerima satu set televisyen berwarna Philips dan pewter dari BAFA.

Ini adalah merupakan julung-julung kalinya penghargaan serupa ini diberikan kepada skuad kebangsaan dan yang terbesar pernah diperuntukkan untuk mereka.

Kesemua 21 orang pemain yang membarisi skuad Piala Malaysia tahun ini menerima hadiah penghargaan mereka dari YAM Pengiran Sanggamara Diraja Kolonel Pg Haji Ibnu.




ALI... ketua pasukan kebangsaan mendahului senarai menerima peti televisyen dari YAM Pengiran Sanggamara Diraja Kol. Pg. Haji Ibnu.

## BRUNEI A juara bolasepak belia 19

BRUNEI A berjaya merebut kejuaraan kejohanan bolasepak belia 19 tahun kebawah kali kelima yang dianjurkan oleh BAFA dan tajaan Shell Brunei bila pasukan tersebut berjaya menumpaskan Brunei B dalam pertandingan akhir yang sengit yang telah berlangsung di padang KBRC pada 1hb Mei lepas.

Kedua pasukan gagal menembusi pertahanan lawan sehingga tamat permainan 90 minit dan berlanjutan sehingga masa tambahan.

Bagaimanapun Brunei A meraih kemenangan melalui tendangan penalti dengan jaringan 4 — 2.

Di perlawanan akhir itu juga telah diadakan pemilihan bagi pemain terbaik yang berjaya direbut oleh Ak Waslimin bin PSJ Pg. Haji Momin dari pasukan Brunei A.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin.

## Perlawanan akhir bolatampar

PERLAWANAN akhir bolatampar senegeri yang dianjurkan oleh Persatuan Bolatampar Negeri Brunei akan berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah Gadong pada 14hb Mei depan bermula jam 7.00 malam.

Dua pasukan lelaki dan wanita akan bertemu di perlawanan tersebut. Pasukan AMDB bertemu dengan Bahagian Kompleks JKR dan pasukan wanita SRC, Seria bertemu dengan Polis Wanita.

Kejohanan ini adalah bagi merebut piala sumbangan dari Syarikat Dynasty Corporation Limited.

Bekas Yang Dipertua Dewan Majlis Mesyuarat Negeri Brunei, YAM Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar akan menjadi tetamu kehormat dan merasmikan pertandingan tersebut dan seterusnya berkesudian akan menyampaikan hadiah kepada pasukan yang berjaya.

## Kejoha[...] badmi[...] Daerah Belait

JAWATANK[...] Perayaan H[...] D.Y.M.M. [...] tahun ini ak[...] kejohanan b[...] daerah it[...] dikelolakan [...] Badminton D[...]

Kejohana[...] kepada lapan [...] acara perseora[...] lelaki dan wan[...] lelaki jabatan [...] dan wanita [...] lelaki veteran [...] atas).

Juga acara [...] tara jabatan-[...] dan belia-bel[...] tahun ke [...] dibukakan kep[...] belia, sekolah [...] maktab (lelaki[...]

Perlawana[...] jalankan seca[...] dan jabatan yan[...] pemain yang [...] bolehlah men[...] pasukan seme[...] yang kurang pe[...] bergabung tid[...] jabatan dan [...] satu pasukan sa[...]

Bagi pasuka[...] dibolehkan me[...] pasukan saja da[...] bagi acara ber[...] daklah menga[...] lebih lima oran[...] pemain bag[...] pasukan hend[...] dari ahli-ahli [...] tuan, penuntut [...] maktab, pe[...] kakitangan jab[...] yang diwakili [...] menentap, ting[...] atau menuntu[...] tersebut.

Bayaran yang [...] bagi acara be[...] $15.00, berpa[...] jabatan keraj[...] bergu $1[...] perseorangan $[...]

Borang pe[...] bayarannya se[...] dihantar kepa[...] perlawanan. [...] bin Apong ti[...] 16hb. Mei dep[...] yang bermina[...] dapatkan bor[...] dari setiausah[...] atau dari Awang [...] bin Hassan di [...] Raya, Kuala Be[...]



MAJIDI... jaringannya membawa Brun[...] akhir.

# BILAL: SATU CONTOH ORANG BERIMAN

Susunan
Yusof b. Haji Kamis

### Bingkisan minggu ini

Iman ialah kepercayaan, dalam erti kata kepercayaan kepada Allah, kepada Rasul-Rasul-Nya para Malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, hari akhirat serta untung baik dan untung jahat daripada-Nya (daripada Allah s.w.t.).

Beriman atau mempercayai tanpa ragu-ragu, tanpa syak dan perasangka terhadap perkara-perkara yang disebutkan tadi adalah satu kewajipan bagi setiap Muslim. Maka yang menolak dan mengingkarinya adalah suatu dosa besar yang boleh membawa kepada terkeluar daripada agama Islam.

Sepanjang kehidupan seorang Muslim, kekuatan imannya seringkali dicabar dan digugat oleh suasana dalam kehidupannya sendiri sama ada dalam bentuk rohani atau jasmani. Sejak dari zaman bermulanya Islam sehinggalah kezaman kita sekarang ini cabaran dan gugatan itu tetap ujud meskipun dalam bentuk dan caranya yang berlainan. Maka dalam hubungan ini ketakwaan yang diperkuatkan lagi dengan kesabaran rohani adalah merupakan satu benteng yang boleh menyelamatkan keimanan kita daripada tercemar dan dicemar.

Kalau biasanya manusia memandang ukuran kekuatan yang dijadikan perbezaan antara seseorang manusia dengan orang lain, di antara satu pihak dengan pihak yang lain, maka Islam juga membuat ukuran demikian di atas keimanan seseorang, lantaran itu orang yang kuat imannya adalah lebih baik daripada orang yang lemah imannya. Ini sesuai sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *"Seseorang yang teguh imannya dan keimanannya itu apabila telah kuat dan bertapak di dalam jiwanya, maka dia di anggap seorang Mukmin yang akhlak dan beriman dengan sebenarnya. Apabila ia telah menjadi sedemikian rupa, maka dia akan menerima Qadak dan Qadar Allah Taala, dan akan bersabar ke atas apa sahaja dugaan dan cabaran yang mungkin menimpanya."*

Di zaman permulaan perkembangan Islam kita telah mendengar riwayat seorang sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Bilal Al-Rabah tukang azan di zaman Rasulullah. Beliau seorang abdi kepada seorang hartawan Quraisy telah memeluk agama Islam dengan kerelaan hatinya sendiri. Tetapi apabila diketahui oleh tuannya beliau telah disiksa dengan siksa yang amat pedih dan kejam, beliau dilonttarkan di tempat yang panas di bawah panahan cahaya matahari, dengan harapan supaya beliau berbalik kepada agama asalnya. Tetapi beliau bersikap sabar dan tabah serta bertambah takwanya menghadapi bencana itu, dan beliau tetap keimanannya dengan berkata: "Allah Asa", Demikianlah keadaannya sehinggalah Bilal ditebus oleh Syedina Abu Bakar dan dibebaskan dari menjadi abdi.

Dari gambaran riwayat tadi, jelas orang yang kuat imannya tidak akan bergoyang, tidak berganjak dan tidak akan berputus asa pada apa jua yang dihadapinya. Dia menghadapinya dengan tabah dan sabar, lantaran itu dia tidak akan melakukan sesuatu yang menjadikan Allah murka, dan dia tidak akan berputus asa daripada rahmat Allah.

Begitulah keadaan hamba Allah yang teguh imannya. Dia tidak sedikitpun melenting dan meloncat apabila ia berhadapan dengan cubaan Allah, jauh sekali untuk mengutuk dan mengatakan yang Tuhan (Allah) itu tidak berlaku adil kepadanya kerana nasib yang dideritainya. Sebaliknya ia tabah dan ingin berusaha semula membetulkan mana-mana yang tidak betul dengan harapan untuk memperolehi kebaikannya kemudian kelak.

Maka dari itu kewajipan setiap Mukmin ialah berawas-awas daripada suatu yang boleh mendatangkan kelemahan kepada imannya, dengan menjauhi setiap perbuatan maksiat dan wajiblah atasnya membuat kerja-kerja yang boleh menguatkan imannya untuk memperolehi kemenangan di dunia dan di akhirat.

Allah berfirman yang bermaksud: *"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian dan membuat pekerjaan yang baik (salih), maka mereka akan dapat ganjaran mereka di sisi Allah, akan tiada kebimbangan atas mereka dan mereka tidak berdukacita."*

# TIGA PERKARA DILINDUNGI ALLAH

MARILAH kita sama-sama bertakwa dan taat kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Semua orang mahu supaya sentiasa ada dalam selamat dan peliharaan Allah. Keselamatan dan pemeliharaan itu juga dipanggil rahmat daripada Allah. Lawan rahmat ialah laknat. Orang-orang yang dilaknat ialah orang-orang celaka, sama ada kecelakaan itu zahir menimpa orang-orang yang kena laknat itu, ataupun tiada ketara, bergantung kepada kehendak dan hikmat Allah Taala sendiri.

Ada sebuah Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Al-Hakim daripada sahabat Ibnu Abbas r.a. yang bermaksud: "Tiga perkara, sesiapa yang ada padanya, Allah akan melindunginya dan menutupnya dengan rahmat-Nya serta memasukannya kedalam kasih sayang-Nya, iaitu sesiapa yang diberi kurnia dia bersyukur, apabila diberi kuasa dia memaafkan dan apabila marah dia bertenang."

Ketiga-ketiga sifat yang disebutkan dalam Hadis ini menjadi sebab datangnya rahmat Allah Taala, iaitu pertama tahu bersyukur apabila mendapat nikmat. Jangan fikir nikmat itu mesti berupa bukit emas dan perak, atau harta yang bertimbun-timbun. Tetapi segala yang memberi kesenangan kepada kita, walaupun ia sepinggan nasi dan semangkuk lauk, adalah itu nikmat daripada Allah. Jangan lupa mengucap syukur dan membuktikannya. Apatah lagi nikmat itu berupa longgokan harta yang bertimbun-timbun, maka adalah lebih-lebih lagi mustahaknya kita berterima kasih. Cara-cara bersyukur dan berterima kasih itu ialah dengan membelanja dan menggunakannya di tempat yang betul, dengan mengawal dan memelihara hak-hak Allah dan hak-hak manusia, dengan tidak membuat curang dengan harta-harta itu atau menjadikannya alat yang menyampaikan kita kepada aneka maksiat. Kalau ini yang terjadi, itu namanya kita tidak bersyukur atas nikmat Allah. Lalu tidaklah ada harapan bagi kita mendapat rahmat-Nya.

Kerana itulah, sebagai isyarat kepada kita orang-orang Islam supaya sentiasa ingat dan pandai bersyukur ini, maka kita dituntut supaya membaca Alhamdulillah, Al Fatihah sekurang-kurangnya 17 kali sehari semalam. Kerana di dalam Al Fatihah itu ada peringatan dan pertunjuk supaya kita tahu, bahawa Allah itu memberi rahmat dan nikmat, mesti disyukuri.

Perkara yang kedua, jika seseorang itu mendapat bahaya yang boleh menyakiti dan menyusahkannya akibat dari perbuatan orang zalim, sedang dia berkuasa untuk membalas dendam, tetapi dia tidak berbuat demikian, sebaliknya dia sabar dan memaafkannya, maka orang yang demikian ini juga dijanjikan oleh Allah akan mendapat perlindungan rahmat daripada-Nya.




Demikianlah indahnya ajaran Islam itu, barangsiapa yang memerhati dan mengikutnya akan selamat di dunia dan akhirat. Kerana itu tidak ada alasan untuk kita menolak Islam itu sebagai agama dan cara hidup, jika dilakukan juga menolak Islam itu bermakna kita memancing kebinasaan dan azab daripada Allah.

## Dua lagi memeluk agama Islam

KAMPONG RAMBAI. — Dua orang lagi memeluk agama Islam baru-baru ini. Majlis pengislamannya telah berlangsung di rumah Awang Thomas bin Harun di sini.

Seorang pemuda Dusun Thomorat bin Thomas, 25, anak kepada tuan rumah ini dikenali sebagai Mohd. Murat bin Thomas. Manakala yang seorang lagi ialah Awg. June anak Sabang, 18, dari keturunan puak Iban kini dikenali sebagai Md. Aushrin bin Abdullah.

Kedua-dua saudara baru ini melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat dan Awang Md. Yusuf bin Haji Kamis kedua-duanya pegawai dari Bahagian Dakwah dan Tabligh, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong.

Pengislaman saudara baru itu telah diraikan dengan persembahan zikir marhaban oleh kumpulan zikir Persatuan Saudara-saudara Baru di daerah tersebut.

## Majlis pengislaman

SATU lagi majlis pengislaman telah berlangsung baru-baru ini di rumah Allahyarham Awang Ibrahim bin Abd Hamid di Kampung Panca Delima, Berakas.

Melafazkan ikrar Islamnya di majlis tersebut ialah seorang gadis Iban, Dayang Tinga anak Madi, 19 berasal dari Kampung Bukit Sawat, Ulu Belait. Beliau kini dikenali sebagai Dayang Halimah bte Abdullah.

Majlis pengislaman itu telah disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin, Pegawai dari Bahagian Dakwah dan Tabligh di Jabatan Hal Ehwal Ugama.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Mei, 1983 hingga ke hari Selasa 10hb Mei, 1983 adalah seperti di bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Magrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 5hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 6hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 7hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 8hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 9hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 10hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...

# MANDI AIR SEMBILAN

Siri ke-182

**Soalan:**

**Kaola telah diajarkan satu 'persucian' atau kata yang sebenarnya dinamakan "Mandi Air Sembilan" sebagaimana yang telah diterangkan oleh orang yang mengajarnya, iaitu bahawasanya setiap perempuan banyak mengandungi najis dan sebelum meninggal dunia hendaklah tahu akan cara-cara menyucikan atau mengamalkan mandi air sembilan. Mula-mula hendaklah sebulan sekali, lepas itu tiga bulan dan seterusnya hanya digunakan enam bulan sekali, dan kalau tiap-tiap hari akan memendekkan umur. Satu pengkeras atau pemberian sebentuk cincin emas akan diberikan kepada orang yang mengajarnya. Tanpa pengkeras ajaran ini tidak akan diterima dan malahan berdosa. Dipohonkan keterangan Pehin.**

Jawab:

Orang yang mengajar dan menunjukkan mandi air sembilan itu adalah seorang dari Dajjal atau seorang dari golongan yang sesat yang disebutkan oleh Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wassalam) dalam hadis-hadis Baginda. Rasulullah telah mengingatkan umat Islam terhadap ajaran sesat dan kufur itu supaya menjauhkan diri daripadanya. Beberapa dalil yang dapat dikemukakan dalam perkara ini ialah antaranya:

1. Syedina Othman (Radiallahu Anhu) telah berkata bahawa Rasulullah (Sallahllahu Alaihi Wassalam) telah bersabda yang maksudnya:

*"Barangsiapa mengada-adakan dan menambah dalam agama Islam ini dengan sesuatu yang bukan dari ajaran Islam lalu ia mengatakan perkara itu ajaran Islam, maka perkataannya itu ditolak, tiada dipakai dan batil."* (Hadis ini diriwayatkan bersama oleh Imam Bokhari dan Muslim).

Maka dengan ini jelas bahawa mandi air sembilan itu tiada pernah disyarakkan dalam agama Islam kerana itu adalah batil, salah dan ditolak tiada boleh dipakai dan tiada boleh beramal dengannya.

2. Daripada sahabat Jabir (Radiallahu Anhu) katanya: Bahawa Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wassalam telah bersabda yang ertinya:

*"Adapun sesudah memuji Allah Taala maka sebaik-baik percakapan itu ialah firman Allah Taala dan sebaik-baik pertunjuk dan hidayat itu ialah pertunjuk dan hidayat Nabi Muhammad (Sallahallahu Alaihi Wassalam), dan sejahat-jahat perkara ialah perkara-perkara yang dibuat dan direka-reka oleh orang lalu dimasukkannya kedalam Islam. Tiap-tiap perkara yang dibuat-buat, direka-reka dan ditumpangkan dalam agama Islam itu adalah sesat dan tiap-tiap yang sesat itu neraka tempatnya."* (Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim).

## Pertandingan Quran Senegeri:

# 10 PESERTA BERTANDING DI PERINGKAT AKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN — Seramai 18 orang qari dan 17 orang qariah telah mengadu nasib dalam pertandingan membaca Al-Quran Bahagian Dewasa peringkat separuh akhir senegeri yang diadakan pada 1hb Mei lepas di dua tempat yang berasingan.

Pertandingan bahagian lelaki telah berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sementara bahagian perempuan pula telah diadakan di Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Anak Damit kedua-duanya di Jalan Tutong.

Seramai 8 orang peserta termasuk 4 qariah telah berjaya melayakan diri ke pertandingan peringkat akhir senegeri yang di jangka akan berlangsung selama dua malam berturut-turut iaitu pada 24hb dan 25hb Mei ini di Padang Sekolah Menengah S.M.J.A. di sini.

Qari-qari yang terpilih itu ialah Mudim Awang Mustafa bin Haji Murad, Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji, Awang Haji Metassim bin Haji Metussin dan Awang Mohd. Daud bin Abd. Kadir. Peserta-peserta qariah pula terdiri dari Dayang Hajjah Masni bte Haji Abd. Manaf, Dayang Jamilah bte Haji Abd. Manaf, Dayang Zainab bin Haji Mohd. Salleh dan Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris.

Hadir di majlis pertandingan itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang mana juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang bahagian qari.

Sementara dalam majlis pertandingan bahagian qariah pula tetamu kehormatnya ialah Datin Hajjah Yokmas bte Mohammad isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei yang juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Di peringkat akhir nanti sepuluh orang peserta akan bertanding termasuk johan qari dan johan qariah menunggu iaitu Awang Haji Damit bin Haji Kawang dan Dk Hajjah Saadiah bte Pengiran Haji Tuah.


Awang Haji Damit bin Haji Kawang Johan Qari menunggu.


Dk. Hjh. Sa'adiah bte P... Tuah Johan Qariah menunggu.


Mudim Mustafa bin Hj. Murad.


Awg. Hj. Rosli bin Hj. Bolaji


Awg. Hj. Metassim bin Hj. Metussin


Awg. Md. Daud bin Abd. Kadir


Dyg. Hjh. Masni bte Hj. Abd. Manaf


Dyg. Jamilah bte Hj. Abd. Manaf


Dyg. Zainab bte Hj. Mohd. Salleh


Dyg. Hjh. Siti Ara bte Hj. Idris

## FOKUS : Peranan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan

...akah peranan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan terhadap ...kat Brunei ini?

...: Tanggungjawabnya adalah berkisar dalam membaiki, mengasuh ...ukuhkan lagi masyarakat dan pergerakan-pergerakan belia serta sukan ...eri ini seperti apa yang termaktub dalam penubuhannya dalam tahun

...Bagaimana jabatan ini menjalankan peranannya dalam merangkumi tiga ...iaitu kebajikan, belia dan sukan?.

...Pehin: Pada awal penubuhannya jabatan ini mempunyai satu-satu ...an seperti kebajikan satu bahagian, belia dan sukan satu bahagian dan ...satu bahagian. Pada tahun lapan puluhan ini ditambah satu bahagian ...atu bahagian asuhan bagi menjaga akhlak kanak-kanak.

...memenuhi kehendak-kehendak ini dibuat susunan mengikut keperluan ...dengan bersandarkan kepada keutamaannya. Misalnya dari segi sukan, ...ini akan berhubung dengan persatuan atau kelab-kelab sukan yang ingin ...bantuan atau galakan bagi kegiatan mereka yang boleh diketengahkan ...segi pergerakan sukan.

# DIALOG SEMASA

diusahakan/disusun oleh: MANAF HAR. dengan kerjasama Bahagian Melayu Radio Brunei.

# DALAM MERANGKUMI SUDUT KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN


YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Hj. Hussin.

...pada itu jabatan ...entiasa memberi ...g bagi pergerakan-...akan belia untuk ...eri pandangan atau ...arakan kesulitan-...an mereka dari ...a kesemasa yang ...jabatan ini dapat ...antunya.

...am menyentuh soal ...kan pula memang ...k perkara yang ...diberikan sebagai ...services' mengikut ...an masing-masing.

...cen juga seperti yang ...lumi adalah satu ...gian dengan ...annya yang terten-...dan jabatan ini ...berikan bantuan ...da mereka yang ...ur 60 tahun keatas ...bermastautin dan ...a yang tinggal di ...ini selama 30 tahun

dan pemberian pencen ini meliputi kepada semua lapisan masyarakat asalkan mereka dapat memenuhi syarat-syaratnya.

Pemberian pencen ini adalah meliputi dari pencen umur tua, buta, kusta dan kepada mereka yang tidak berdaya.

Mengenai dengan pengasuhan akhlak belia adalah mengikut peraturan yang ada dan jika terdapat belia yang patut diberikan bimbingan jabatan ini akan mengambil langkah, tapi buat masa ini perkara ini tidaklah begitu rumit seperti yang terdapat di negara lain.

*DS:* Dalam bidang kebajikan apakah langkah kemudahan yang diberikan kepada orang ramai oleh jabatan ini?.

*YB Pehin:* Kerajaan telah banyak memberikan sumbangan dalam hal ini. Sumbangan itu adalah dalam hal tertentu misalnya bantuan kepada orang daif, kebakaran, bencana alam, hilang mata pencarian, umur tua, membantu dalam penyaraan sekolah dan sebagainya.

*DS:* Berapa kategori sudut kebajikan yang dapat dilaksanakan oleh jabatan ini?.

*YB Pehin:* Kategorinya memang banyak dan salah satu daripadanya ialah bantuan kewangan sama ada secara bulanan dan jika disusunkan memang terlalu banyak hanya ianya bergantung kepada keperluan dan keutamaannya dari semasa kesemasa.

*DS:* Bagaimana pelaksanaannya?.

*YB Pehin:* Ianya mengikut keperluan masing-masing dan pegawai-pegawai berkenaan di bahagian ini dari semasa kesemasa akan meneliti rancangan-rancangan panduan dengan membuat semakan tiga hingga enam bulan sekali bagi menentukan bentuk bantuan yang bersesuaian yang dikehendaki oleh lapisan masyarakat yang memerlukannya.

*DS:* Apakah sumbangan orang ramai yang bermatlamatkan bantuan kebajikan boleh diberikan melalui jabatan ini?.

*YB Pehin:* Sumbangan orang ramai amat menggalakan meskipun penduduk negeri ini sedikit tapi perasaan bertanggungjawab terhadap masyarakat sungguh mengkagumkan. Orang ramai telah banyak memberikan bantuan bagi kebajikan masyarakat amnya di bawah jagaan jabatan ini sama ada melalui wang ringgit, moral, meaterial atau tenaga.

Dalam hubungan ini, jabatan ini dalam membantu orang-orang yang tidak bernasib baik atau cacat menjalankan peranannya melalui beberapa badan iaitu Badan Kebajikan Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1974, Tabung Anak-anak Yatim (1977), Tabung Orang Buta (1979) dan Tabung Orang Cacat (1981)

Badan-badan ini mempunyai jawatankuasa yang dilantik dari orang awam atau pegawai-pegawai kerajaan secara sukarela dan menjalankan bantuan sama seperti yang diberikan oleh kerajaan.

*DS:* Apakah terdapat syarat tertentu bagi seseorang atau keluarga terlibat bagi mendapatkan bantuan kebajikan?.

*YB Pehin:* Mereka yang memerlukan bantuan bolehlah datang ke pejabat ini atau membuat pengaduan melalui penghulu atau ketua kampung selaku wakil kerajaan. Aduan tersebut akan disiasat dan jika semuanya memuaskan maka bantuan akan diberikan mengikut bentuk dan keperluannya.

**Bersambung**



## Sumbangan untuk anak-anak yatim

...BUNG Anak-Anak Yatim kini mula mendapat ...hatian menjelangnya musim puasa dan hari ...a yang akan datang. Perhatian yang sentiasa ...perlihatkan oleh golongan masyarakat kita ...ini dapat membuktikan jalinan kesedaran ...belas kasihan terhadap mereka yang tidak ber-...sib baik dan memerlukan bantuan dari mereka ...g berkemampuan. Salah satu sumbangan yang ...a diterima sekarang ialah sejumlah wang ...56.00 yang didermakan hasil dari kutipan bakal-bakal jemaah haji tahun ini yang berkursus di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba Darat 'B' baru-baru ini. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh wakil para bakal jemaah itu, Awg. Haji Sahat bin Haji Idris, Ketua Kampung Saba Darat 'B' dan disaksikan oleh Awg. Pulau bin Serudin kepada Dyg. Zaliha binte Hj. Mohiddin, Pegawai Kebajikan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan pada hari Khamis, 5hb. Mei yang baru lalu.



PERUSAHAAN minyak dunia kebanyakannya dikuasai oleh Amerika. Dari kumpulan bergelar "Seven Sisters", yang menguasai pembekalan selama 50 tahun — lima adalah kepunyaan Amerika dan satu Belanda. Yang satu lagi ialah kepunyaan British — iaitu British Petroleum. Siri sembilan episod ini mempaparkan "probing study" ke atas B.P. — bermula Ahad depan jam 10.05 malam. Atas : Mengorek minyak di Laut Utara.

RTB Intisa

## Radio minggu ini:

# DARI DEWAN R

## Siapa Bintang tahun

KITA sentiasa meneropong pertandingan Bintang Kecil Radio 1983 sejak dari mula hingga berakhir di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei minggu-minggu yang sudah. Benar, terlalu senget pertandingan tahun ini. Johan muncul lebih dari dua ratus calon ke Bintang itu. Yah, hebat sungguh titian yang dilalui oleh Bintang-Bintang Kecil tahun ini. Beberapa kali ujian, dari peringkat awal, suku, separuh dan sehingga ke akhir, barulah akan didapati siapa juara yang akan dimahkotakan sebagai penyanyi terbaik, tegasnya Juara Bintang Kecil 1983.

Dari tasik yang tulus ikhlas, Radio Minggu Ini, turut mengalongkan rangkaian bunga-bunga tahniah kepada pemenang-pemenang yang dimahkotakan sebagai Johan Bintang Kecil 1983 tahun ini. Kita mengerti bahawa kejayaan yang direbutnya dari lebih dua ratus hasrat para calon bukan merupakan usaha yang mudah dan murah. Mungkin ia sudah begitu lama memendam hasrat sambil berusaha ke arah merampas Oskar Pujian para peserta Bintang Kecil itu. Tetapi setakat ini, masih menjadi tanda tanya, siapakah yang berhak memilikinya?

Dan mungkin para peminatnya sudah dapat meramalkan, siapakah jaguh pilihannya, di antara 10 orang peserta yang akan bertanding pada hari JUMAAT, 27hb Mei depan, bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei bermula jam 8.30 malam, yang mana akan disiarkan secara langsung melalui Radio dan TV.

Kepada para peminat yang tidak berkesempatan datang ke Dewan Raya, tentu akan berkumpul dengan keluarga di rumah sambil menonton TV, tetapi bagi peminat-peminat yang ingin menyaksikan lebih dekat, akan datang berkunjung ke Dewan Raya, bagaimana persembahan penyanyi idamannya mengayakan lagu-lagu pilihannya dan lagu wajib, yang diwajibkan dari pihak penganjur.

Biasanya, setelah selesai pertandingan lagu-lagu wajib yang dikeluarkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, yang dipilih khas oleh pihak penganjur, akan menjadi minat kepada kanak-kanak yang

# RANCANGAN PENDIDIKAN TELEVISYEN

## Dari 16hb. Mei hingga 21hb. Mei, 1983

### ISNIN — 16HB MEI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 16
(A Visit to The Market)
Dalam rancangan ini murid-murid, Izat membawa Jay Jay ke Pasar. Apakah yang mereka lihat di sana ? Tentu murid-murid tahu . . . . Saksikanlah tayangannya nanti.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 5
(Binatang tidak bertulang belakang)
Apakah yang membolehkan badan binatang tidak bertulang belakang menjadi tegak?
Bagaimanakah ubur-ubur bergerak di dalam air? Apakah yang menyokong badan ubur-ubur?
Rancangan ini akan memberi jawapan-jawapan yang di atas.

10.30 KAP KAP UDANG 868.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BELON SI MANIS, DI MANA TEMPATNYA, MINUM, NAIK KUDA, BERCERITA, MENYANYI lan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 868.

### SELASA — 17HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 16
(A Visit to The Market)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5
(Binatang tidak bertulang belakang)

10.30 KAP KAP UDANG 869.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MINUM, SI MANIS, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 869.

### RABU — 18HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 16
(A Visit to The Market)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5
(Binatang tidak bertulang belakang)

10.30 KAP KAP UDANG 870.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MINUM, BERSENAM,

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 11HB MEI

PETANG

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
GREAT SPACE COASTER
THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
BERITA AWAL
DIFFERENT STROKES
321 CONTACT
AZAN MAGHRIB
321 CONTACT — sambungan

MALAM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
JULIET BRAVO:
"Relief" (Episod terakhir)
Apabila Inspektor Jean bercuti seminggu dia percaya akan dapat mengurus rumahnya dan stesen Polis di Hartley akan berjalan dengan baik semasa ketiadaannya.
AZAN ISYAK
JULIET BRAVO — sambungan
WARTA BERITA
CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 11
LIPUTAN NASIONAL
PRIVATE BENJAMIN:
"Profile In Courage"
Setelah menghadiri satu seminar anti pengganas, Captain Lewis dan Colonel Fielding kedua-duanya pula di culik oleh pengganas-pengganas!
QUINCY: "The Law Is A Fool"
TAYANGAN GAMBAR:
"Grand Jury" (Suspens/Drama)
Sepasang muda-mudi yang ingin mengejar kejayaan hidup telah terperangkap dengan kegiatan satu sindiket jenayah. Mereka terlibat dalam satu penipuan insuran yang melibatkan satu penyiasatan oleh Grand Jury. Pelakon-pelakon: Leslie Nielsen, Bruce Davidson, Barry Sullivan, dan lain-lain.
SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 12HB MEI

PETANG

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG



MENURUT legenda, burung "phoenix" hidup ... tahun, membakar dirinya menjadi abu, untuk hidup lagi. Kisah dipadankan apabila ahli-ahli kajibumi membuat penemuan yang mempunyai persamaan di Andean Plain di Peru apabila mereka terserampak dengan satu ... batu yang mengandungi Bennu ... yang dilakonkan oleh Judson Scott) ke... memakai kalong burung phoenix. Siri rancangan THE PHOENIX bermula Isnin ini ... malam.

5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.30 SAFARI TO ADVENTURE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER:
"Forget Me Not"
Presiden sebuah negara kecil di Amerika Latin telah menjadi sasaran satu pembunuhan. Hanya seorang wanita yang mempunyai lemah ingatan yang tahu akan rancangan itu. Seperti biasa Michael Knight telah dihubungi untuk memberi bantuannya.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 12
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 ROAD TO WEMBLEY:
"Manchester United lwn Arsenal"
10.45 NINE TO FIVE:
"Tinker, Tailor, Soldier, Secretary"
Syarikat diketahui mempunyai seorang spy (pengintip). Hart ingin menyiasat siapa pengintip itu.
11.15 BELLAMY
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 13HB MEI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 RANCANGAN AGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.30 ROAD TO L.A.

PETANG

2.15 THE YOUNG MAVERICK — Pilot Pt. II.
3.00 COLUMBIA RHAPSODIES
3.30 WILDLIFE ON ONE (Episod terakhir)
3.39 AZAN ASAR
3.42 WILDLIFE ON ONE — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCAL
4.25 DOKUMENTARI TEMPATAN: Kapal Lumba-Lumba (Ulangan)
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 AGRICULTURE:
"Dangers To The Soil"
5.35 THE ODDBALL COUPLE
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY:
"The Worms Turn"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 SECRET VALLEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE AMAZING SPIDERMAN:
A Matters of State.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 SPIDERMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 13
i.45 BINTANG KECIL — SEPARUH AKHIR No. 1
9.g5 DALLAS: "Mama Dearest"
Ellie dan Harry Smithfield merundingkan untuk merombak wasiat Jock. J.R. mencabar tindakan Ellie itu. Ellie memberitahu JR bahawa dia bercadang hendak menjual Ewing Oil dan membahagi bayarannya sama rata, termasuk Ray dan Gary.
10.30 BENSON (Siri baru)
11.00 CBS SPORTS SPECTACULAR
11.30 STRIKE FORCE: "Ice".
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 14HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 GEOGRAPHY TODAY
6.28 THE ANIMAL WORLD:
"Run Free"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 THE ANIMAL WORLD — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BEST OF MIDNIGHT SPECIAL:
Rancangan hiburan yang mempaparkan barisan penghibur-penghibur agung di dunia hiburan dari dulu hingga sekarang.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 BEST OF MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 14
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DOK. Juruterbang Diraja Brunei
9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
"Si Ronda Macan Betawi"
10.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: ...
"Coffee, Tea or Me."
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 15HB MEI

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION:
"Catch As Catch Can"
(Episod terakhir)
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.39 AZAN ASAR
3.42 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 PANCHA IRAMA No. 2 S.M.J.A.
5.00 TECHNOLOGY RISKS AND OPPORTUNITIES: "Training In Industrialised Countries"
5.15 ON SAFARI
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG
6.30 LOVE SIDNEY:
"The Cat Burglar"
Sekembalinya dari menonton wayang gambar, Sidney mendapati seorang pencuri di apartmentnya, iaitu seorang yang pernah sedarjah dengannya ketika di sekolah dahulu.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 LOVE SIDNEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON:
"Recipe For Murder"
7.43 AZAN ISYAK
7.48 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 15
8.45 BUMI HIJAU No. 1
9.35 ONE IN A MILLION:
"Cushing Quits"
10.05 INSIDE A MULTINATIONAL (Siri baru)
Dokumentari mengenai kisah dan perkembangan British Petroleum.
11.25 TALES OF THE UNEXPECTED:
"Youth From Vienna"
Di antara mereka bertiga terdapat satu pertalian yang serupa. Baxter, saintis, hampir memperoleh satu penemuan bahawa mereka bertiga boleh berperarakan muda untuk selama-lamanya, tetapi hanya dua dari mereka sahaja yang dapat menikmatinya.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 16HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 WHISPER OF GLOCKEN:
5.15 THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP: "The Treacherous Movie Lot Plot"
5.40 DASTARDLY AND MUTTELY
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY (Siri baru) — "Pilot" Bhg 1.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 16
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 ARE YOU BEING SERVED?:
"The Junior"
9.45 NUCLEAR NIGHTMARES Bhg. 1
Sudah lebih 30 tahun manusia hidup dengan satu kemungkinan yang menakutkan — iaitu tamaddun yang sedang kita nikmati ini akan hancur lebur dengan seketika sahaja apabila peperangan nuklear meletus. Itulah dia "igauan" nuklear — nuclear nightmares yang akan dibentangkan oleh penyampai Peter Ustinov dalam rancangan ini.
10.30 PHOENIX (Siri baru) — "Pilot" Bhg. 1
11.20 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 17HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GULLIVER IN LILLIPUT
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION: "The Emperor's New Clothes"
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST:
"The Namesake"
Melissa melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama Joseph Angelo Cumson, nama yang sama dengan ayah kepada datok Lance.
7.44 AZAN ISYAK
7.39 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 17
8.45 ARENA SUKAN
9.30 STRANGERS: "Tom Thumb"
10.30 TAYANGAN GAMBAR:
"Between Two Brothers"
(Drama) Bob Frazer ialah seorang "family man", jujur, dedikasi dan mengharung gelumbang dunia politik. Saudaranya Russell ialah seorang periang, suka berjenaka dan pejudi yang suka bermain hanya untuk menang. Di antara mereka berdua terjalin satu perhubungan yang istimewa. Pelakon-pelakon: Michael Brandon, Pat Harrington, Helen Shaver, Mary Jackson, dan lain-lain.
12.00 SIARAN TAMAT.

KEJOHANAN olahraga bagi merebut Piala K... Komandan antara Pasukan Askar Wanita ... Pasukan Polis Wanita merupakan kali ... diadakan dan telah berjalan selama tiga hari ... lalu.

Kejohanan tersebut antaranya telah memper... dingkan perlawanan bola tampar, bola jaring ... berganti-berganti, serta tarik kalat dilangsungkan ... keseluruhannya di Stadium Hassanal Bolkiah ... Gadong.

Piala Kolonel Komandan kali pertama ... digondol oleh Pasukan Askar Wanita dengan ... dapat sembilan mata sementara Pasukan Polis ... di tempat kedua dengan mendapat tujuh mata.

Kejohanan itu telah dirasmikan oleh Pe... Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, YAM Pe... Putera Negara Pengiran Omar pada hari ... 29hb April.

Berangkat menyaksikan kejohanan tersebut ... penutup ialah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan YTM Pengiran ... Hajjah Mariam.



**YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam mengucapkan tahniah kepada barisan peserta ini ketika menyampaikan hadiah-hadiah.**



**YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri ... kepada pemenang ...**



**PERLAWANAN tarik tali antara Pasukan Askar Wanita (kiri) dan Pasukan Polis Wanita (kanan) dikejohanan itu dimenangi oleh Pasukan ...**



**BARISAN peserta-peserta kedua-dua pasukan berjalan lalu sebelum memulakan beberapa acara kejohanan merebut Piala Kolonel K...**

...YTM Paduka Seri Pengiran ...Paduka Seri Pengiran Anak ...dan YTM Paduka Seri ...Umi Kalthum Al-Islam.

...Hajjah Mariam, juga selaku ...menyampaikan hadiah- ...kejohanan itu manakala ...Pengiran Anak Puteri Masna

...pembukaan kejohanan itu ...menembak yang telah ...menembak Pasukan Polis Dira- ...tiga acara telah dipertan- ...bolasepak[?]ngan, berenang dan

...penutup kejohanan itu ialah ...Pasukan Askar Wanita di ...Hidayati bte YDM Pehin ...Dato Paduka Awang Haji ...Polis Wanita di bawah ...Hajjah Mariam bte Haji



...kepada peserta ini.





# Kejohanan olahraga pertama Piala Kolonel Komandan



D IF kehormat yang turut menyaksikan beberapa acara itu yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah.



PERLAWANAN bolatampar ketika di langsungkan di Dewan Gerak-badan stadium tersebut.

# Rancangan rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 pagi | | |
| 8.00 pagi | | |
| 10.00 pagi | | |
| 12.45 tengah hari | | |
| 1.30 tengah hari | | |
| 3.00 petang | | |
| 5.30 petang | | |
| 8.00 malam | | |
| 9.30 malam | | BBC |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, dan Isyak.

## HARI RABU

## 11HB MEI

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang J. Kamisah.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Selindang Delima Siri ke-5), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Tafsir Al-Quran, 6.45 — Lagu-lagu Asli.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman, 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS

## 12HB MEI

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT

## 13HB MEI

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50—Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Ujilah Bahasa Kita, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Puspararna, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU

## 14HB MEI

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30—Hiburan Untuk Adik-Adik.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Pertandingan Bintang Kecil Radio 1983, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30—Mutiara Asli, 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kulah Agama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

## HARI AHAD

## 15HB MEI

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10,15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30—Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

## HARI ISNIN

## 10HB MEI

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 —Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30—Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar. 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — 4.45 — Rampaian Joget, wakili Zamannya, 5.15 — 5.45— Kuliah Agama (SU)

MALAM: 7.00 — Majalah — Hiburan Malam, 8.30 — usahaan, 9.00 — Lagu-lagu — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA

## 17HB MEI

PAGI: 8.25—Panduan Perajurit (SU), 9.00 — bangsa, 9.30 — Pilihan — Lagu-lagu Berirama Rampaian London, 10.45 — mintaan Kaum Wanita, baran Awda, 11.30 —

TENGAH HARI: 1.30 — Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Ku — Gema Silam, 3.30 — — Gema Keroncong/ Seni Dan Sastera, 5.00 — 5.15—Untuk Awda, 5.45—

MALAM: 7.00—Ruangan — Selingan Irama, 8.15 — karamai. 9.00 — Kugiran 9.45 — Senandung Malam

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Classical music night with Rory Higgins |
| 8.30 | Hello Tomorrow |
| 9.30 | Classical Music (continued) |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: "Glitter" by Philip MacConald |
| 9.30 | Country Club — 40. |

### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words '83 — St George's vs St Andrew's (Upper Secondary). |
| 11.30 | Children's half hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Yesterday Once More — 19. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 248/267. |
| 1.15 | Book Club: Summer Lightning by P. G. Wodehouse — 9.15. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up The Belait River Without A Paddle — 96. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Hits In Germany. |
| 8.45 | Just A Minute — 255/261. |
| 9.30 | Top of The Tops — 962. |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words (Upper Secondary) |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week. |
| 12.00 | A Date |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 962. |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | A Feature. "Listening to War" A programme describing, with the help of those original monitors and archive recordings, the formation and function of BBC's monitoring service throughout the Second World War. |
| 8.30 | Beautiful Music — 24/48. |
| 8.45 | BBC Science Magazine |
| 9.30 | Drama: "Earthsearch" — A Science Fiction adventure across space and time by James Follett — 1/10. |

### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: Voices" by Rod |
| 8.45 | Cliff Richard's Tw en Years Pt. 5 |
| 9.30 | All That Jazz — |

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.30 | Stereo Pop Special: Richard" Side 2. |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.32 | Quran and It's |
| 6.40 | Brunei's Am |
| 7.00 | Local News with and Brunei In |
| 7.15 | Brunei's A.M. |
| 11.00 | Ladies At Eleven — Fridays and Sundays |
| 12.00 | Lunch Break — days and Sundays |
| 12.30 | News and weather sidelines and History Brunei. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Radio Newsreel Sundays) |
| 9.15 | News. |

## nggu ini

# *Berakhir Satu Harapan – tajuk sandiwara radio minggu ini*



NAIB Johan Mutika '83, Ak Zainal Abidin (atas), Juara Mutika '83, Dayang Saaimah (kanan) dan pemenang ketiga Haji Johari (bawah).

PERTANDINGAN MUTIKA 1983 telah berakhir dengan peserta wanita menyandang juara. Dayang Saaimah bte Haji Abdi Manaf, salah seorang dari tiga orang peserta wanita yang bertanding dalam peringkat akhir telah mengalahkan sembilan peserta yang lain.

Dayang Saaimah yang membawakan dua buah lagu 'If This Is Love' dan 'Alam Maya' mendapat markah 81 peratus.



Naib johan dalam pertandingan tahunan anjuran Radio Televisyen itu ialah Ak. Zainal Abidin bin Pg. Puteh. Beliau mendapat markah 80 peratus sementara pemenang ketiga ialah Awang Haji Johari bin Haji Omar dengan mendapat 79 peratus.

Pertandingan MUTIKA 1983 telah dilangsungkan di Dewan Raya RTB pada 1hb. Mei, yang lalu.



UNTUK mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini, rancangan ini akan dimuatkan dengan cerita yang berjodol BERAKHIR SATU HARAPAN tulisan LAT Brunei.

Kisah dimulakan dengan pertemuan yang tidak dirancang di antara Salmi dan Rosli, yang mana bermula dari perbuatan yang tidak disengajakan. Kerana kejadian itu Salmi jadi sangat marah pada Rosli dan kerana itu juga dia tidak bersedia untuk menyebutkan kata maaf pada Rosli. Kerana itulah Rosli berazam untuk mengenalinya.

Dengan tidak diduga pula Rosli telah menemui kemalangan jalan raya selepas kejadian itu. Bertolak dari sanalah dia ditahan di rumah sakit dan tanpa diduga sekali lagi Rosli bertemu Salmi yang sebenarnya bertugas sebagai seorang jururawat.

Dari sanalah hubungan mereka semakin rapat. Dan dari pertemuan pandang pertama itu mereka telah mengikat janji untuk hidup bersama.

Apa yang menyedihkan ialah apabila hal itu sampai kepengetahuan ayah Rosli. Dia menentang keras akan perhubungan anaknya dengan Salmi, kerana baginya dia sangat benci pada Salmi disebabkan oleh sesuatu yang timbul dari kisah lama yang dialaminya.

Apakah sebenarnya yang menjadi punca kebencian ayah Rosli terhadap Salmi? Bagaimana pula dengan hubungan mereka? Apakah Rosli akan bertindak mengikut kata hatinya atau tunduk pada kehendak ayahnya? Jawapan pada soalan-soalan ini akan dapat diikuti melalui siaran Sandiwara Radio pada 15hb. Mei, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Salmah Abd. Rahman.



MENDAPAT giliran untuk memilih lagu-lagu dalam rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dayang Asmah A.B. di No: 31, Kg. Kiulap, Brunei.

Dayang Asmah akan memilih tujuh buah lagu kegemarannya yang di antaranya ialah Kau Kasihku dari Rano Karno, Dunia Ini Pesta dari Yunizar Hussin dan lain-lain.

Rancangan ini akan ke udara pada hari Isnin, 16hb. Mei, 1983 jam 1.30 petang.

## Ujilah Bahasa Kita

Hari Jumaat 13hb. Mei, 1983 pukul 9.00 pagi
Peringkat Separuh Akhir Bahagian Menengah Atas:
SEKOLAH INGGERIS SUFRI BOLKIAH
bertemu
SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR.

Hari Ahad, 15hb. Mei, 1983 pukul 1.30 tengah hari
Peringkat Separuh Akhir Bahagian Menengah Atas:
MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN
bertemu
SEKOLAH ARAB PEREMPUAN RAJA ISTERI PG. ANAK DAMIT

## Battle of Words

UPPER SECONDARY:
ST. GEORGE'S SCHOOL
Vs.
ST. ANDREW'S SCHOOL
(FRIDAY 13TH. MAY, 83 AT 11.00 AM)
ST. MARGARET'S SCHOOL
Vs.
ST. ANGELA'S SCHOOL
(SUNDAY 15TH. MAY, 83 AT 11.00 AM)



PERKHIDMATAN Melayu Radio Brunei melalui Rancangan Citra Irama sedikit sebanyak telah dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang lakonan di radio seperti yang terdapat dalam gambar ini yang kelihatan Belawan Padan, Zaidah Haji Hanipah, Hasnan Suhaili dan Maria Mohd Yusof dalam menjayakan Citra Irama keluaran 4hb Mei 1983 jam 2.30 petang. Rancangan diterbitkan oleh Abdullah Ag. Damit.




# MANTOREK KEMBALI BERKHIDM

MANTOREK — Tongkang kren angkat berat yang dipunyai oleh Syarikat Minyak Shell Brunei telah memulakan tugasnya di AMDP-11 pada minggu lalu.

Tongkang kren angkat berat itu tiba di perairan Belait dari Singapura pada pertengahan bulan lepas setelah menjalani pembaharuan dan pembaikan ke atas kesemua kemudahan-kemudahan di dalamnya. Keraja-kerja pembaharuan dan pembaikan itu dijalankan di salah sebuah limbungan kapal di Singapura.

Satu perubahan besar ke atas tongkang tersebut ialah tambahan kepada krenny sepanjang 30 kaki dan menambah keupayaan mengangkat seberat 300 tan di pengangkat utama dan 130 di pengangkat tambahan.

Kemudahan penginapan juga ditambah. Sekarang tongkang tersebut boleh memuat 175 orang pekerja yang ditempatkan di dalam kabin empat orang yang dibuat khas.

Lain-lain kemudahan ialah dapur-dapur yang baru untuk memasak makanan ... Cina, bilik gerak ... baru dan bilik khas ... serta landasan ... berukuran 90' x 7... ini juga mempunyai ... kren samping ... keupayaan pengang... bertambah ke 25 ...

Semasa ketiadaan ... tersebut, kegiatan ... pantai telah diban... dan Kokan Pioneer ... dipunyai oleh Brow...

Mantorek (gam... dibina di Jepun ... lalu.



# J-Kuasa Tertinggi Peraduan Permainan Lalulintas J-raya tahun 1983 dibentuk

SATU mesyuarat bagi pembentukan Jawatankuasa Tertinggi Pusat Peraduan Permainan Lalulintas Brunei Shell bagi tahun 1983 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Ibu Pejabat Syarikat Minyak Shell Seria pada 25hb. April yang lalu.

Mesyuarat pada hari ini sebulat suara melantik Awang Mohd. Sharif bin Haji Naweh sebagai Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Timbalan Pengerusi ialah Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait.

Setiausaha ialah Dayang Jamilah binte Sanip sementara Penyelia Kanan Sekolah-Sekolah Daerah Belait sebagai Timbalannya. Penolong Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait dilantik sebagai Pengerusi Penghakiman.

Di samping itu beberapa orang wakil dari Jabatan Pelajaran, Pejabat-pejabat Daerah, Polis Diraja, Majlis Keselamatan Jalan raya Negeri Brunei dan Sharikat Minyak Shell telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa.

**JADUAL PERPADUAN**

Mesyuarat pada hari itu juga menetapkan tarikh bagi peraduan peringkat daerah. Peraduan bagi Daerah Temburong akan diadakan pada 28hb. Ogos, di Daerah Brunei-Muara pada 4hb. September, Daerah Tutong pada 11hb. September sementara peraduan bagi Daerah Belait akan diadakan sama ada 16hb. atau 18hb. September.

Peraduan Peringkat Negeri akan diadakan di Belait pada 25hb. September.

Menurut pehak penganjur, peraduan peringkat negeri itu nanti mungkin akan dilangsungkan di satu kawasan kekal yang dibina oleh Sharikat Minyak Shell.

Tema peraduan tahun ini ialah "Keselamatan Dijalan raya Adalah Tanggungjawab Kita Bersama".

## Saluran paip dipasang

SERIA. — Brunei Shell kini mempunyai saluran nadi baru apabila Jalan Tengah telah dibuka semula kepada lalulintas pada 17hb. April lepas.

Saluran-saluran hidrokarbon dan penggunaan yang menyambung Pengkalan Minyak di sini dengan kilang Penapis Minyak yang baru ini telahpun dipasang sejak 8hb. April lalu yang mempunyai 22 buah saluran.

Sementara kerja-kerja ke atas peparit-peparit utama dan pemasang alat sejut-air telah dimulakan dan digali di ukuran 12 meter lebar dengan 2.2 meter dalam. Peparit utama membawa 17 buah saluran yang terutamanya untuk paip memproses sementara peparit yang lain di bahagian timur kilang penapis ialah untuk saluran-saluran penggunaan.

Sebelum penutupan jalan raya utama tersebut, saluran-saluran itu terlebih dahulu telah dibina, diX-ray dan dilapis serta dibungkus. Setelah pemasangan paip-paip, pasir yang bersih telah dimasukkan di sekililing paip-paip dan dipadatkan ke dalam lapisan 6 inci di bawah alas.

# TAWARAN DERMASISWA DARI SHELL BRU

SERIA. — Brunei Shell pada tahun ini sekali lagi menawarkan dermasiswa kepada pelajar-pelajar di negeri ini bagi mengikuti pelajaran lanjutan di dalam negeri, atau yang lebih dikenali dengan Skim Latihan Pentadbiran dan Perdagangan yang dijadualkan bermula dalam bulan Julai depan.

Bagi mencapai tujuan tersebut, dua perjumpaan telahpun diadakan di Kelab Ria Shell dan di ibu pejabat di sini baru-baru ini. Dalam perjumpaan tersebut hampir 200 orang yang kebanyakannya penuntut lelaki dan perempuan telah menghadirinya.

Skim ini direka adalah untuk menyediakan pelatih-pelatih di jabatan-jabatan kewangan, perkhidmatan-perkhidmatan pejabat, perbekalan dan kakitangan. Dan latihan ini akan melibatkan pelajaran masa penuh selama tiga tahun dan juga akan boleh membawa ke arah penganugerahan Kebangsaan Majlis Pelajaran Perdagangan (BEC).

Di majlis perjumpaan itu dua orang pegawai dari BSP telah memberikan ceramah berkenaan dengan syarat-syarat dan perjanjian-perjanjian memasuki skim tersebut. Mereka ialah Awg Bert Carrol dari Pusat Latihan dan Awg. Wahab Haji Zakiah, Pegawai Hal-Ehwal Penuntut BSP.

Perkara-perkara lain yang juga telah dibincangkan diperjumpaan itu ialah tentang hadiah dermasiswa-dermasiswa kepada penuntut-penuntut yang sedang ditempatkan di beberapa ... dalam Brune... mana me... Salam, seba... dermasisw... dihadiahka... bagi be... penyelidika... di HND ... ijazah di U...

Dermasisw... ini juga dit... hanya dibe... calon-calon ... menerima ... Jawatankua... Kerajaan ... dengan uj... Bahasa Me... dijalanka... Julai depa...

## Kajian Seismik berakhir

SERIA. — Pada hari pertama bulan April lepas, SSL (Seismograph Services Limited) telah memulakan rancangan seismik di air tohor bagi tahun 1983 di kawasan Utara Rasau yang terletak di antara Sungai Belait dengan sempadan Sarawak.

Dengan menggunakan cara Telseis, BSP berharap memperolehi data seismic yang tinggi mutunya, yang biasanya didapati di kawasan pecahan ombak yang tidak dapat dimasuki. Setiap garis rancangan bermula di pantai dan meluaskan kira-kira lima kilometer dari tepi laut. Sewaktu di peringkat rancangan ianya diganggarkan mencapai lima kilometer sehari iaitu penghasilan di peringkat maksima.

Walau bagaimanapun beberapa hari percubaan dibuat di awal bulan itu SSL dengan begitu cepat dapat menyelesaikan masalah-masalah dan setelah dua minggu telah dapat menjalankan gambaran sejauh 6.5 kilometer dalam sehari.

Akhirnya setelah kajian di Utara Rasau selesai, SSL berkemungkinan akan berpindah ke Sungai Tali bagi menggambar beberapa garis melalui padang Tali sebelum berpindah lagi ke Lumut di awal bulan ini.

## Pegawai BSP ikuti kursus

SERIA. — Seramai 12 orang peserta yang terdiri dari kakitangan pentadbiran dari beberapa bahagian jabatan di Brunei Shell pada pertengahan bulan April lepas telah mengikuti Kursus Fulcrum, Kepner Tregor.

Kursus yang diadakan di Pusat Latihan Teknikal itu antara lain telah memberikan penerangan berkenaan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan penganalisaan masalah, penganalisaan pembuatan keputusan dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, para peserta juga telah diajar bagi penyelarasan setiap proses kajian yang mereka buat ke dalam keadaan kerja yang sebenarnya.

## Unit2 ... akan di...

SERIA. — ... pengepam ... akan dipa... rekabentu...

Buat ma... 130 buah ... pagar dan ... diambil ... bahan ... pekerja-peker... amnya ... kawasan ters...

Ketika ... kawasan ... dipagar ... yang lain ... putar di ...

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENYELAMAT

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai PENYELAMAT di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei.

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon mestilah pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di (a), tetapi adalah seorang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom juga akan dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb Mei, 1983.

(E/439/72)
(Bil: 96/1983)

## RBMR Tender Notices

TENDER No. 35/1983
SUPPLY OF MILITARY FOOT WEAR TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb. 1983 are to apply.
2. Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Camp by 27th May 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 23rd May, 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 36/1983
SUPPLY OF VARIOUS EMU SPARES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
3. Tenders documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
4. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 37/1983
SUPPLY OF DENTAL REQUIREMENTS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 38/1983
SUPPLY OF GENERAL STORES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 39/1983
SUPPLY OF SHIP SPARES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL. 178 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:
PROJEK: "PEMBINAAN 2 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN 1 BLOK KELAS 'F' DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following fertilizers to the Department of Agriculture, Brunei:—

1. Urea (60%N) — 200 tons and upwards.
2. Muriate of Potash (Minimum 58% $K_2O$) — 100 tons and upwards.
3. Rock Phosphate (Minimum 36% $P_2O_5$) — 60 tons and upwards.
4. Kieserite (Minimum 27% MgO) — 30 tons and upwards.
5. Triple Superphosphate (Minimum 36% $P_2O_5$) — 55 tons and upwards.
6. Molybdenised Supers — 13 tons and upwards.
7. Agricultural Grade Limestone (Analysis and fineness to be stated) — 200 tons and upwards.
8. Dolomite — 90 tons and upwards.

2. Suppliers should submit quotations giving the following informations:—
(a) Price c.i.f. Muara Port.
(b) Price c.i.f. Agricultural Stores, Kilanas Stations.
(c) Size/capacity of bags.
(d) Type of bags to be used with details of quality grade.
(e) Date of delivery.
(f) Source of materials to be supplied.

3. Tenders should be accompanied by a certificate of analysis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent.
4. Suppliers must undertake to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own charge. Suppliers will be responsible for protection of fertilizers from adverse weather at port of unloading and in transhipment to Department stores.
5. Tenders should be submitted to the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 23rd May, 1983. Tenders should be marked "Agricultural Department Fertilizers — Confidential".
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.


BRUNEI

## MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syarikat untuk:
1. BILANGAN TAWARAN 001353/EPS
KATEGORI HA1 KELAS D
Membaiki saluran aliran dan gelendong-gelendong liang (vent spools) (No. 3).

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.


### BIL. 179 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' dan ke atas untuk:
PROJEK: "PEMBINAAN 2 BLOK KELAS 'C' DI ESTET PERUMAHAN POLIS LAPANGAN TERBANG, JALAN MUARA, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 180 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:
PROJEK: "MEMBAIKI R.C. ROOF SLAB, RAIN-WATER DOWN PIPES DAN PEMASANGAN ROOF GUTTER BAGI MAKTAB LATIHAN PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, BANGUNAN PERPUSTAKAAN, BATU 1½, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 181 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:
PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENGUBAH SUAI RUMAH KELAB RIA KUALA BELAIT."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Peter Robinson & Associates, 81A, Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26hb Mei, 1983. Tarikh tutup: 30hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 182 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:
PROJEK: "PENYAMBONGAN BETUNG (SEWER) BAGI BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN (TANDAS AWAM, BARIK-BARIK SEWERAGE DSB), BANDAR SERI BEGAWAN."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 183 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk
PROJEK: "CADANGAN JAMBATAN R.C. MENYEBERANGI SUNGAI TUTONG (JAMBATAN No. 2) JALAN PENAPAR/TANJONG MAYA, TUTONG, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 184 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:
PROJEK: "CADANGAN JETTY BARU DI PILONG ROCK, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 185 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:
PROJEK: "TAMBAHAN JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN (PERINGKAT IV) DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 186 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:
PROJEK: "CADANGAN BANGSAL PERAHU UNTUK MUZIUM DI KOTA BATU, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 187 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:
PROJEK: MEMBAHARUI BANGUNAN STOR STESEN KUASA (POWER STATION) YANG ADA SEKARANG DI GADONG, BRUNEI."
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei, 1983.
Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARA[N]

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN-permohonan adalah di pelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajan Brunei.

1. PENGHANTAR TELEGRAM:
(Jabatan Telekom).
F.1-2-3-4-5 EB. 6—$350-620 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I atau sebanding dengannya.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III atau lesen motorsikal.

**'Am-nya :**

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam negeri.

2. PEMANDU TINGKAT I:
(Jabatan Laut).
F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di dakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 1 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam negeri.

3. PEMBANTU BILIK GELAP:
(Askar Melayu Diraja Brunei).
D. 1-2 EB. 3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus Tingkatan II.
b) Mempunyai sekurang-kurang 2 tahun pengetahuan bekerja di bilik mencuci filem.
c) Mempunyai pemahaman penuh mengenai percetakan dan memproses alat-alat gambar hitam-puteh.
d) Berkebolehan memproses filem-filem (Transparency Films).

4. PEGAWAI BALAI:
(Jabatan Pasukan Bomba)
P. 6 — $885-$1455 sebulan.

Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan. Sekiranya seseorang calon yang berjaya itu ialah Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaannya akan dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Kelayakan-kelayakan :**

a) Umur—di antara 18 hingga 26 tahun.
b) Tinggi — sekurang-kurangnya 5' "4.
c) Dada — sekurang-kurangnya 34" bila dikempiskan.
d) Lulus Tinggatan V dalam Aliran Inggeris dan Darjah IV Melayu atau kelulusan yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang lulus dalam mata pelajaran Sain dan Ilmu Hisab.

**Kesihatan :**

Pemohon-pemohon mestilah berbadan tegap dan sihat dan dikehendaki lulus ujian kekuatan seperti yang di kehendaki dalam Pasukan Bomba.

**Latihan :**

Calon-calon yang berjaya mestilah melayakan diri untuk Kursus latihan Pegawai-Pegawai yang akan diadakan di dalam negeri dan mungkin di kehendaki menjalani latihan di seberang laut.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya apabila dilantik akan dikehendaki menjalankan tugas di mana-mana Balai Bomba di dalam negeri.

5. JURUTAIP : (Jabatan Radio Televisyen).
D.1-2-3 EB.4-5—$425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 tahun hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Boleh menaip sekurang-kurangnya 40 perkataan seminit.

**'Amnya :**

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam negeri.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 16hb Mei, 1983.

(E/71/80)
(Bil: 85/1983)

## PENGANUGERAHAN DERMASISWA BANK KEBANGSAAN BRUNEI BERHAD 1983-84

PEMOHON-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah dipelawa bagi dipertimbangkan untuk mendapatkan sokongan bagi mengikuti kursus-kursus yang berkenaan dengan Penganugerahan Dermasiswa Bank Kebangsaan Brunei Berhad mulai sessi 1983-84.

II. **Kelayakan :**

1. Pemohon-pemohon mestilah:—
   (a) Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.
   (b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Lanjutan/General Certificate of Education Advanced Level serta 4 kepujian (credit) Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Biasa/General Certificate of Education Ordinary Level yang dikumpulkan dalam 2 tahun peperiksaan berturut-turut dengan tertakluk kepada syarat-syarat penerimaan tempat-tempat yang dipohonkan.
   (c) Memperolehi kepujian (credit) Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Biasa.
2. Keutamaan adalah diberikan kepada pemohon-pemohon yang memperolehi kepujian (credit) Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Biasa.
3. Pemohon-pemohon yang berjaya dipertimbangkan mestilah juga lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Kecil Ujian Lisan Bahasa Melayu serta disahkan sihat oleh Pegawai Perubatan dan bersih dalam Tapisan Keselamatan.

III. **Elaun serta lain-lain kemudahan :**

Elaun-elaun adalah ditanggung keseluruhannya oleh Bank Kebangsaan Brunei Berhad dan kadarnya adalah mengikut Dermasiswa Kerajaan Brunei. Antara elaun-elaun yang diberikan termasuk elaun sarahidup, pakaian, perjalanan, buku serta tambang pergi balik 2 tahun sekali.

IV. **Borang permohonan dan lain-lain keterangan :**

Borang-borang permohonan serta lain-lain keterangan boleh diperolehi daripada Setiausaha Jawatankuasa Dermasiswa, Unit Dermasiswa dan Kebajikan, Ibu Pejabat Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei dan borang-borang yang lengkap diisikan mestilah diserahkan sebelum 21hb Mei, 1983. Pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan atau Sektor Swasta hendaklah menghadapkan permohonan melalui Ketua Jabatan/Majikan masing-masing. Laporan Sulit dan Catatan Perkhidmatan permohonan hendaklah disediakan dan dilampirkan bersama.

V. **Jenis-jenis kursus yang ditawarkan :**

| Bil. | Jenis Kursus | Antara Mata-Mata Pelajaran Yang Diperlukan |
|---|---|---|
| 1. | Association of Certified Accountants | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |
| 2. | B.A. Accountancy and Computer Science | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| 3. | B.A. Accountancy and Finance | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| 4. | B.Sc Accounting and Financial Management | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| 5. | B.A. in Banking, Insurance and Financt | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| 6. | B.A. Banking Finance | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| 7. | Institute of Bankers | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |
| 8. | Institute of Chartered Accountants in England and Wales | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |
| 9. | Institute of Cost and Management Accountants | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |

VI. Permohonan-permohonan mestilah dihantar di dalam DUA salinan borang dan hendaklah dikembalikan ke pejabat termaklum pada tarikh yang dinyatakan di para IV. Dukacita permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan diberi layanan.

VII. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat untuk dipertimbangkan akan ditemuduga pada suatu masa yang ditetapkan kemudian.

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI KERJA-KERJA KECIL (MINOR WORKS) 1983

PEMBORONG-pemborong tempatan adalah dipelawa untuk mendaftar di Jabatan Radio Televisyen Brunei bagi mengendalikan kerja-kerja kecil 1983. Pendaftaran bolehlah dibuat di Tingkat Satu (Bangunan Lama) Bahagian Pentadbiran semasa waktu pejabat dibuka. Pemborong-pemborong juga adalah dikekehendaki membawa bersama satu surat permohonan dan satu salinan Sijil Pendaftaran (Certificate of Registration).

Keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan kerja-kerja kecil ini bolehlah didapati daripada Jabatan Radio Televisyen Brunei.

## KURSUS-KURSUS DI PUSAT [...] KESENIAN DAN PERTUKA[NGAN] TANGAN, BRUNEI

PEMOHON-pemohon adalah dipelawa [...] sus-kursus yang tersebut di bawah di Pusat [...] dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka [...] kelayakan dan syarat-syarat di bawah ini [...] kan :

(1) KURSUS TENUNAN —
(2) KURSUS PERTUKANGAN PERAK —
(3) KURSUS PERTUKANGAN TEMBAGA —
(4) KURSUS ANYAMAN/SONGKOK —
(5) PELATIH SENI UKIR —

**Kelayakan-kelayakan :**

(i) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya [...] layu atau yang sebanding dengannya.
(ii) Keutamaan akan diberi kepada mereka [...] lam mata-mata pelajaran Ilmu Hisab [...]

**Syarat-syarat :**

(a) Hendaklah terdiri daripada rakyat Ke[...] Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul[...] pertuan.
(b) Hendaklah berumur di antara 17 [...] masih bujang.
(c) Pemohon-pemohon yang dipertimbang[...] menerusi satu temuduga.
(d) Pemohon-pemohon yang berjaya henda[...] hulu lulus peperiksaan doktor.
(e) Satu perjanjian bertulis akan dike[...] pemohon yang berjaya mengikuti k[...]
(f) i) Pemohon yang terpilih akan di[...] latihan penuh selama dua tahun [...] latih-pelatih tidak dibenarkan be[...]
ii) Selepas itu peserta kursus akan [...] ikuti kursus kemahiran selama [...] jadikan tiga (3) tahun semuanya [...] sus tahun ketiga pelatih-pelatih a[...] garan untuk berkahwin.
(g) Apabila mendapat kemahiran pelatih-p[...] hendaki menjadikan pertukangan [...] mata pencarian mereka.

**Elaun dan Lain-lain Kemudahan :**

(a) i) Semasa dalam latihan selama dua [...] pelatih akan diberi elaun sebanyak [...] serta 10 peratus net profit daripada [...] tukangan mereka.
ii) Bagi pelatih-pelatih tahun ketiga [...] beri elaun yang sama sebanyak $[...] tapi dibayar 50 peratus net profit [...] tukangan yang diusahakan dalam [...] ini.
(b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain-lain [...] sediakan kepada pemohon-pemohon [...]

**Borang Permohonan :**

Permohonan-permohonan hendaklah dibuat [...] yang boleh didapati dari Pejabat Muzium [...] pada bila-bila masa pejabat dibuka dan [...] kan dan sampai kepada Pengarah Muzium [...] selewat-selawatnya pada 31hb Mei, 1983.

## DEPARTMENT OF AGRICU[LTURE] TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the [...] foodstuffs to the Department of Agriculture [...] (1) year:—

1) Starter (chicks) (Mash or Crumbles) —
2) Growers — Pellets —
3)* Layers (complete) (Pellets or Mash) —
4) Broiler (starter) (Pellets or Mash) —
5) Broiler (Finish) (Pellets or Mash) —

All feeds should be fresh, of good qu[ality] [...] nants and confirm to the analysis given be[low] [...] packed in 40 or 50kg. bags, new and of good [...] must be prepared to supply in boxed 5 tons [...] liver to the Sinaut Agric. Training Centre, [...] tong, Mentiri Station, Luahan Project, Jerudong [...]

FEED ANALYSIS
FEED QUALITY OR NUTRITIVE VAL[UE]

| Analysis | Starters (chicks) | Grower | Layer (complete) |
|---|---|---|---|
| Moisture | 12–13 | 12–13 | 12–15 |
| C. Protein | 20% | 16% | 16% |
| C. Fat | 5% | 5% | 5% |
| C. Fibre | 5% | 5% | 5–6% |
| Lysin | 1.0 | 0.8 | 0.7 |
| Metrionine | 0.45 | 0.32 | 0.28 |
| Tryptophan | 0.2 | 0.16 | 0.11 |
| Ash | 8% | 10% | 14% |
| Ca | 1 | 1 | 2.35 |
| P. | 0.7 | 0.6 | 0.8 |

Tender should be submitted in a seal[ed] [...] Confidential—"DEPARTMENT OF AGR[...] TRY FEEDS" to the Chairman, Brunei T[ender] [...] office of the State Financial Officer Gro[und] [...] Secretariat, Bandar Seri Begawan, not later [...] Monday 30th May 1983.

The Government does not bind itself [...] or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perchetakan Brunei.

1. PEMBANTU PENCHETAK :

C. 1-2 EB. 3—$1110-$1980 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon hendaklah memenuhi kehendaki seperti berikut :—

a) Mempunyai Diploma dalam bidang percetakan dari mana-mana institusi yang diakui atau sebanding dengannya dan telah mengikuti latihan-latihan dalam mengendalikan mesin percetakan dalam jangka masa 2-3 tahun dan memahami dengan operasi mesin-mesin cetak jenis Offset, alat-alat penjilidan dan penyiapan.

ATAU

Mempunyai pengalaman dalam jangka masa 5 tahun dalam mengendalikan mesin-mesin cetak, pengurusan-pengurusan kerja-kerja Grafik, kerja-kerja Penjilidan dan pengemasan serta memahami mesin-mesin Cetak Web-Offset.

b) Mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja kira-mengira kertas, dakwat, plet dan filem dan alat-alat grafik yang lain yang digunakan untuk pesanan percetakan.

c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergili-gilir.

2. PENGENDALI MESIN PEMBUAT PLET TINGKAT I:

D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon mestilah mempunyai syarat-syarat seperti berikut : —

a) Sekurang-kurangnya mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja-kerja Grapik yang berkaitan dengan kerja-kerja membuat layout dan kerja-kerja membuat plet.

b) Mestilah mempunyai kebolehan untuk mendaftar kerja-kerja berwarna dan kerja-kerja 'make-up' untuk buku.

c) Boleh membuat kerja-kerja di kamera hitam putih.

d) Mempunyai pengetahuan dalam menyediakan dummy bagi menentukan layout untuk plet-plet percetakan.

e) Bersedia untuk bekerja secara bergilir-gilir.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKATAN I:

D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja penyelenggara stor.

c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barasgbarang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk ada-lah merupakan satu kelebihan.

4. PENGENDALI MESIN PENGATUR HURUF TINGKATAN I:

D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon mestilah mempunyai syarat-syarat seperti berikut : —

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pengendalian - pengendalian mesin penyusun taip 'hot metal'.

b) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan biasa.

c) Mempunyai pengalaman dalam penyelarasan susunan kerja-kerja dengan bahagian-bahagian lain di dalam sesebuah pejabat percetakan.

d) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb Mei, 1983.

(E/56/81)

(Bil: 95/1983)

## Sebagai Ketua Juruteknik Ukor

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai KETUA JURUTEKNIK UKOR di Jabatan Ukor Brunei.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Hendaklah mempunyai Diploma T.E.C. (Peringkat Tinggi) dalam jurusan Land Surveying, atau kelulusan yang sebanding, daripada institut teknikal yang diiktiraf.

Hendaklah sebaik-baiknya mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman setelah memperolehi kelulusan dan juga sebanyak sedikit pengalaman pentadbiran, had umur 35 hingga 50 tahun.

ATAU

b) Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat ukuran tanah (Cadastral Survey) termasuk sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan Penyelia, sebagai Juruteknik Ukor Kanan, serta mempunyai pengalaman pentadbiran boleh juga dipertimbangan dengan syarat mereka mempunyai kebolehan yang terbukti. Had umur 35 tahun hingga 50 tahun.

**Tugas :**

Membantu Juruukor Daerah di dalam tugas-tugas pengukuran tanah meliputi penyeliaan dan pentadbiran kerja-kerja di Bahagian Luar.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb Mei, 1983.

(E/250/75)

(Bilangan: 91/1983)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 LETRIK

**TAWARAN BIL. 51/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK PEJABAT STOR, PIT DAN BILIK IBADAT BAGI BALAI BOMBA SERIA"

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

**TAWARAN BIL. 52/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK 2 BLOK, CLASS 'F' QUARTERS BAGI JABATAN PELAJARAN BERTEMPAT DI SEKOLAH MELAYU LABI, DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang meng hantar tawaran yang bersih.

**TAWARAN BIL. 53/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK 1 BLOK, CLASS 'F' FLAT BAGI SEKOLAH MELAYU SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

**TAWARAN BIL. 54/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK 1 BLOK, CLASS 'F' FLAT BAGI GURU-GURU DI SEKOLAH MELAYU LUMUT, DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

**TAWARAN BIL. 56/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bander Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTUK PEJABAT POS BARU DI TUTONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

**TAWARAN BIL. 59/1983**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari Isnin 6hb Jun, 1983 membekal dan menyerahkan barang-barang berikut untuk Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik Stor Gadong:—

PEMBEKALAN UNTUK INDUSTRIAL SAFETY BOOTS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $300.00.

## TAWARAN JABATAN SETOR2 DAN PERBEKALAN2 NEGARA

**No. 35/1983**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF PROTO TOOLS AND ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh-lah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

**No. 36/1983**

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF ARMCO GALVANISED FLEX-BEAM GUARDRAIL TYPE 2 12 GAUGE IN STANDARD SECTIONS WITH A NETT LAYING LENGTH OF 12' 6" AND ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh-lah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**No. 37/1983**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6hb Jun, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF FLYGT SUBMERSIBLE SEWAGE PUMPS MODEL CP 3126 MT-430 CAPABLE OF DELIVERY 330 GPM AGAINST 41 FEET HEAD.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh-lah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**No. 38/1983**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6hb Jun, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF SAFETY LOUVERS FRAME, ETC.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh-lah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**No. 39/1983**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6hb Jun, 1983 bagi membekalan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF COVER AND FRAME, INSPECTION, CAST IRON, GRADE C, SINGLE HEAD, FLAT, SCREW DOWN TYPE, CLEAR OPENING 24" x 18" OVERALL 28" x 22" x 84 LB. TO B.S. 497/1967 — REF. C6-24/18 C/W BRASS SCREWS ½" x 1¼" BSW, CSK HD. INSCRIBED 'SEW'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

FOOTWAY JOINT BOX COVERS — HOT DIP GALVANISED

1. TENDERS are invited from suppliers with relevant experience in metal fabrication and hot dip galvanishing.
2. The said tenders are for supply of Hot Dip Galvanised Light Weight Footway Joint Box covers and frames No. 0 to drawing No. MISC 8040.
3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 23rd May 1983. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked : —

TELECOMS DEPARTMENT,
SUPPLY OF FOOTWAY JOINT BOX COVERS AND FRAMES No. 0
REF: MS 3/3/011.

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers provided the condition of section 7 of this notice are complied with. The tender deposit will be also be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Tender conditions require that a sample of the products offered be delivered to Telecom Store on/or before the closing date for tenders. Any tenders submitted without samples will be incomplete and shall be regarded as invalid and the deposit forefited.
8. Tender conditions also require delivery into Telecoms Store, Bandar Seri Begawan within two months of issue of an indent and provide liquidated damages of one percent per day for late deilvery.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE
## JERUDONG PARK

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles to Jerudong Park :

1) 3 Nos Flat Bed Pick Up
   a) Four cylinder petrol engine, not less than 1500 cc
   b) Dropside body.
2) 4 Nos Landcruiser Station Wagon
   a) Six cylinder petrol engine, not less than 4000 cc
   b) Long wheel base
   c) Four wheel drive
   c) Four wheel drive
   d) Fitted with airconditioner.
3) 2 Nos 28 Seater Bus
   a) Four cylinder petrol engine, piston displacement to be not less than 1900 cc
   b) 28 Seating capacity
   c) The bus must be factory built.
4) 2 Nos Water Tanker 4 x 4
   a) Six cylinder Diesel engine, piston displacement to be not less than 6000 cc
   b) To be fitted with water pumps
   c) Four wheel drive
   d) The tanker must be factory built
   e) Complete with accessories
   f) Water capacity 1600 gals.
5) 4 Nos. 7-ton Tipper Truck
   a) Six cylinder Diesel engine not less than 6000 cc
   b) Minimum payload 7 tons and with gross vehicle weight to be not less than 12 tons.
   c) All steel heavy duty rear dumps tipper body.
   d) Factory fitted
   e) Fitter with airconditioner.
6) 1 No. 10-ton truck fitted wiht HIAB Crane.
   a) Minimum payload 10 tons with gross vehicle weight not less than 15 tons.
   b) HIAB Crane not less than 3 tons
   c) Six cylinder Diesel engine
   d) The HIAB Crane must be factory fitted.
7) 2 Nos. 3-Way Tipper Truck
   a) 4 cylinder diesel engine not less than 2900 cc.
   b) Vehicle weight 2300 Kg and gross vehicle weight not less than 4400 Kg.
   c) All steel heavy duty rear dumps tipper body
   d) Factory fitted.
8) 4 Nos. Light Truck
   a) 4 cylinder petrol engine not less than 1900 cc
   b) Dual tyres (rear)
   c) Three side opening
   d) Gross vehicle weight not less than 4450 Kg.
   e) Complete body building from factory.
9) 1 No. Fork Lift
   a) 4 cylinder diesel engine not less than 3900 cc
   b) Power steering
   c) Load capacity 3000 Kg.
   d) Load centre 500mm
   e) Lifting Height 3300mm
   f) Overhaul Height 2200mm
10) 1 No. Prime Mover
   a) V-8 Diesel engine in the range of 14,000 to 16,000 cc
11) 1 No. Mercedes Benz 9 Horse Box
   a) Six cylinder diesel engine.
12) 2 Nos. Agriculture Tractor
   a) Fitted with counter weight
   b) Fitted with turf tyres.
13) 1 No. Suzuki Jeep
   a) Soft top with steel doors
   b) 4 wheel drive.
14) 12 Nos Grass Cutters
   a) 4 Stroke 3.5 HP petrol engine
   b) Cutting width 18"
   c) Cutting Height ⅝" to 2½"
   d) Adjustment : Single lever adjusts cutting height through 10 intermediate positions.
15) 12 Nos. Grass Cutters
   a) Cutting width 18"
   b) Rust proof catcher
   c) Minimum 3.5 HP
   d) 4 stroke petrol engine.
16) 24 Nos. Knapsack type Grass Cutter
   a) Petrol driven engine
   b) Engine displacement 37 cc.
17) 1 Nos. Rolla Mower
   a) 3 Disc blade 1800mm cutting width 75HP.
18) 1 No. Bush Cutter.
19) 2 Nos. Wu's Power Cart
   a) W16 GD 4 wheel drive.
20) 1 No. Mini Moke.
21) 1 No. Wu's Power Cart
   a) W16 4 wheel drive
   b) Complete with spraying tank
   c) Must be factory fitted.
22) 2 Nos Scott Bonner 5 Gang Mower.

All vehicles are to be painted in Jerudong Park colours with the words "JERUDONG PARK" (not less than 6") on both sides and on the rear of the vehicle if appropriate.

Tenders should be in a plain envelope marked "Tender Transport Jerudong Park" and delivery to the Secretary, State Tenders Board not later than Monday 30th May, 1983.

The government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT
## TENDER NOTICE No. 11/1983

TENDERS will be received by the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan Brunei up to 12.00 noon on Monday 23rd May 1983 for the Supply and Installation of Folding Doors for Seria Fire Station.

2. Tenderers are requested to forward their catalogue and specifications for the above appliance with their quotations and tenders. All prices quoted based on CIF Brunei. Further specifications and detailed may be obtained from the Senior Divisional Officer at Seria Fire Station.

3. Time of completion and warranty period to be stated.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "TENDERS FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF FOLDING DOORS FOR SERIA FIRE STATION" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board and should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei. The name of the tenderer must not be written on the envelope.

5. Tenders rereceived after the above stated time and date will be rejected.

6. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
### TENDER NOTICE — PROJECT No. 2078

1. TENDERS are invited from registered Telecom Contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for EXCAVATION, LAYING 6 WAY CONCRETE ENCASED DUCT, CONSTRUCTION OF STANDARD MANHOLES AND FOOTWAY JOINT BOXES.

3. Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than on Monday 16th May 1983. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : —

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER PROJECT No. 2078.

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $1,000 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 12th May 1983 at the junction of Jalan Muara Coastal Road Intersection, Mile 15½. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## TAWARAN JKR KUALA BELAIT

### SERIAL No. KB.40/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "PEMBINAAN KHUTUBKHANA BAGI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran : $300.00.

### SERIAL No. KB. 41/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:

PROJEK : "CADANGAN KAWASAN PERUMAHAN DI KAMPUNG JABANG, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $10,000.00.

### SERIAL No. KB.42/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK : PEMBINAAN TAMBAHAN BILIK DARJAH BAGI SEKOLAH MELAYU LUMUT, DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran : $600.00.

### SERIAL No. KB. 43/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "CADANGAN PEMBINAAN SEMULA LONGKANG R.C. SEPANJANG LORONG SATU BARAT, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran : $300.00.

## Di Jabatan SUK Bahagian Pene...

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Setiausaha Kerajaan, Bahagian Penerangan, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN:

C. 2-3 EB. 4 — $1260-$2230 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Higher National Diploma (HND) dalam jurusan Mass Komunikasi atau mempunyai Diploma dalam Tourism atau yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon tidak mempunyai kelayakan (a) di atas tetapi berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam jawatan Pegawai Luar Kanan (Penerangan); atau jawatan Pegawai Rancangan Tingkatan I (Radio); atau jawatan Pembantu Kanan Perkembangan Agama; boleh dipertimbangkan.

2. PEMBANTU PENYUNTING:

D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau sebanding dengannya dan mendapat kepujian cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman dalam berita dalam sebuah akhbar sekurang-kurangnya 3 tahun; dan

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai 2 bahasa Melayu dan Inggeris dan juga berkebolehan membaca jawi dengan baik.

3. JURUGAMBAR:

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Kelulusan sekurang-kurangnya SRP/LCE dan mempunyai pengalaman setahun dalam bidang fotografi. Kebolehan yang luar biasa dalam beberapa jurusan penggambaran seperti potret, close-up, micro, coping dan kerja-kerja memproses dan printing serta berkebolehan dalam membuat caption adalah diutamakan.

Calon-calon hendaklah menyatakan bersama-sama permohonan mereka 4 keping gambar hitam putih atau berwarna berukuran 12" x 15" atau 4 keping slide warna sebagai contoh hasil kerja pemohon itu sendiri.

4. PEGAWAI LUAR:

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris/Melayu) dan berumur di antara 18 hingga 35 tahun.

b) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan sekurang-kurangnya dalam 4 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perhubungan dengan orang ramai adalah juga dipertimbangkan.

Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah sedia berkhidmat untuk ditempatkan di Tembur... dan Brunei M...

5. PENOLON... GELAP ... GAMBAR
D. 1 EB. ... sebulan.
**Kelayakan-kela... Pengalaman :**
a) Mempu... Sijil A... ringkat ... kurangnya ... jaran ... pelajaran ... yu) atau ... dengannya
b) Berpeng... jurugam... proses f...

6. PENYEMA...
D. 3 EB. 4-... sebulan.
**Kelayakan-kela... Pengalaman :**
Lulus Sijil ... Brunei Cam... kurangnya 2 ... termasuk Baha... ringkat Biasa ... banding deng... man sebaga... merupakan ...

7. PELUKIS G...
C. 2-3 EB ... $2280 sebulan.
**Kelayakan-kela... Pengalaman :**
a) Calon-calo... berumur ... dan 40 tah... tutur Ba... dan Ingg... baiknya ... ngalaman ... kis Grafi...
b) Mempunya... Art and ... yang seban... nya adalah ...
c) Lain-lain ... kemahiran ... dang luk... juga dipe...

8. PELUKIS PEMANDA...
C. 2-3 EB ... $2280 sebulan.
**Kelayakan-kela... Pengalaman :**
a) Calon-calo... berumur ... daripada ...
b) Mempunya... Art and ... yang seban... nya adalah ...
c) Lain-lain ... kemahiran ... lukis-mel... dipertim...

9. PENOLON...
C. 1 EB. ...
**Kelayakan-kela... Pengalaman :**
a) Calon-calo... berumur ... dan 30 ta...
b) Lulus Si... an Brun... Peringkat ... kurangnya ... jaran ... pelajaran ...
c) Sekurang-k... tahun ... lam rek... lukis-mel... gunaan ... bagainya.

Seseorang ... khidmat den... daklah men... honannya mel... tannya dan Ke... hendaklah ... sama-sama de... an ini satu L... satu salinan ... matan yang ...

Permohonan ... mestilah dih... salinan boran... satu jawatan ... dapati daripada ... jawatan, Bru... lah dikemba... sama dengan ... surat akuan ... tidak lewat ... 1983.

(Bil : 99/1983)
(E/618/78)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

**Royal Brunei**
FLY WITH FRIENDS

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari rakyat di bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi mengisikan jawatan-jawatan kosong dan latihan-latihan yang ditawarkan seperti berikut:

CAREER DEVELOPMENT MANAGER
$2180-$2945 sebulan.
Kerja-kerja termasuk menyelia dan mengurus pembangunan kakitangan, mengatur latihan-latihan untuk kakitangan-kakitangan, menyelia perhubungan di antara kakitangan-kakitangan bawahan dan atasan dengan berkesan dan mengurus perkara-perkara welfare.
Calon-calon mestilah mempunyai ijazah sosial sains dan Diploma dalam Personnel Management atau mempunyai sekurang-kurangnya 20 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pengurusan di Pejabat Kerajaan atau firma. Calon yang dilantik mestilah fasih dalam menulis dan bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

KAKITANGAN TERLATIH
Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan 5 mata-mata pelajaran diperingkat 'O' termasuk Bahasa Melayu dan Inggeris dan sama ada mempunyai 2 kelulusan peringkat 'A' atau 5 tahun pengalaman dalam bahagian pengurusan. Calon-calon akan menjalani kursus hingga ke peringkat Diploma dalam Personnel Management.

JURUKIRA TELATIH
Calon-calon mestilah lulus 5 mata-mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, Inggeris dan Ilmu Hisab peringkat 'O' dan lulus 2 mata-mata pelajaran peringkat 'A'. Calon-calon akan menjalani kursus hingga ke peringkat Association of Certified Accountants atau ke peringkat Association of Cost of Management Accountants.

PENGURUSAN PERDAGANGAN TERLATIH
Calon-calon mestilah lulus Bahasa Melayu dan Inggeris peringkat 'O', mempunyai Ijazah B.A. atau B.Sc. atau HND dalam Business Studies atau Marketing atau mana-mana yang berkenaan. Calon akan menjalani kursus hingga ke peringkat Diploma dalam Aviation Marketing atau Master Degree dalam Aviation Management.

PEGAWAI PENJUALAN — $1345-$2100 sebulan
Calon-calon mestilah belajar hingga ke peringkat 'O'. Fasih dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Mempunyai pengalaman dalam penerbangan dan pengetahuan dalam Ticketing, Reservations dan teknik-teknik penjualan adalah satu-satu kelebihan.

PEGAWAI PEMASANGAN PEMBANGUNAN KAGO
$1030-$1615 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga ke peringkat 'O' fasih dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Belajar Pelajaran Pemasaran, mempunyai pengalaman dalam Airfreight Industry dan pengetahuan dalam kago rating dan undang-undang IATA adalah satu-satu kelebihan.

SETIAUSAHA PENGURUS PERDAGANGAN
$830-$1295 sebulan.
Calon-calon mestilah boleh menulis dan bertutor dalam Bahasa Inggeris dengan baik. Boleh menaip dengan 60 psm dan trengkas dengan 80 psm. Berkebolehan menggunakan Audio Typing. Mestilah mempunyai pengalaman sebagai Setiausaha.

OPERATOR/JURUTAIP DI RESERVATIONS
$485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga sekurang-kurangnya tingkatan 5, boleh bercakap Bahasa Melayu, Inggeris dengan baiknya, boleh menaip 30-40 psm dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja kerani adalah satu kelebihan

KERANI RESERVATIONS — $485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga tingkatan 5 peringkat 'O' dan lulus dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Ilmu Hisab dan Ilmu Alam. Mempunyai pengalaman dalam pener...unggan adalah satu kelebihan.

PENOLONG PEGAWAI PERBENDAAN
$625-$960 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga peringkat 'O' dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Mempunyai lesen memandu dan berpengalaman dalam kerja-kerja kerani adalah satu kelebihan.

TUKANG CAT (BAHAGIAN PERBENDAAN)
$485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah lulus City and Guilds 894 atau mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang tukang cat dan boleh memahami Bahasa Inggeris asas.

PENYELIA P & E — $1345-$2100 sebulan.
Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman dalam penyeliaan Plant and Equipment, membaiki dan memelihara perkakas Petrol dan Disel dan keutamaan akan diberikan pada calon-calon yang mempunyai sijil C&G dalam Auto Engineering.

13) MEKANIK TINGKAT II — $485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah mempunyai pengetahuan dalam Pneumatic/Hyraulic & Electrical Principles, boleh memahami Bahasa Inggeris asas, mempunyai minat dalam kerja-kerja di kapal terbang, sanggup berkerja bergilir-gilir dan overtime jika di-perlukan dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mekanik adalah satu kelebihan.

14) AVIONIC TECHNICIAN — $1030-$1615 sebulan
Calon-calon mestilah lulus sijil penuh C&G dalam jurusan Electronic Engineering dan mempunyai 4 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Electronic atau 10 tahun pengalaman dalam kerja-kerja praktikal Electronic.

15) MEKANIK PEMELIHARAAN KOMPUTER
$1030-$1615 sebulan.
Calon-calon mestilah lulus HNC atau sijil penuh C&G dalam Telecommunications atau yang sebanding dan mempunyai 4 tahun pengalaman dalam kerja yang berkenaan. Calon yang berjaya akan dihantar untuk menjalani kursus pendek tentang perkakas-perkakas yang RBA gunakan.

16) RAMP MEKANIK TINGKAT I — $830-$1295 sebulan.
Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman yang cukup dalam memelihara dan membaiki kerosakan-kerosakan ke atas engine pesawat B737, B747, JT8D dan lain-lain pesawat.

17) BENGKEL MEKANIK TINGKAT I
$830-$1295 sebulan.
Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman yang cukup dalam bengkel-bengkel kapal terbang, lulus C&G dalam Mechanical Engineering atau sijil dari syarikat kapal terbang yang boleh dipakai untuk meluluskan perkakas-perkakas keselamatan, rawatan oxygen, wheels dan brakes membaiki fibre-glass dan combustion linear overhaul.

18) WELDER/TUKANG CAT — $485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris, berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam Welding Fabrication dan membaiki badan-badan kenderaan.

19) TUKANG CUCI — $305-$485 sebulan.
Calon-calon mestilah boleh membuat kerja dengan baiknya tanpa penyeliaan dan boleh memahami sedikit Bahasa Inggeris.

20) PEGAWAI STOR — $1345-$2100 sebulan.
Calon-calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman dalam kerja-kerja stor kanan yang bersangkut paut dengan kapal terbang dan perkakas-perkakasnya. Mestilah mempunyai pengetahuan yang baik dalam kawalan stor, kawalan stock, keadaan-keadaan simpanan barang-barang dan maklumat-maklumat Formats ATA.

21) STOR AUDITOR — $625-$960 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga peringkat 'O' dan lulus dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Ilmu Hisab, mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam kira mengira dengan Syarikat Penerbangan atau firma dengan pengetahuan dalam kawalan stock pembelian, sistem ordering, kerja-kerja kiraan teknikal, dan lain kerja audit.

22) PENJAGA STOR TINGKAT II — $485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga peringkat 'O' dengan kelulusan dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Ilmu Hisab. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja stor di bahagian-bahagian Teknikal Engineering adalah satu kelebihan.

23) PEMBEKAL KERANI KANAU — $830-$1295 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga peringkat 'O' dan lulus Bahasa Melayu, Inggeris dan Ilmu Hisab dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja di bahagian pejabat pembekalan seperti mengurus dan menyelia pembelian-pembelian dalam dan luar negeri, kawalan stock dan berkebolehan dalam menggunakan Olivetti Posting Machine.

24) KERANI / JURUTAIP PEMBEKALAN
$485-$750 sebulan.
Calon-calon mestilah belajar hingga peringkat 'O'; boleh menaip 30-40 psm dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pembekalan adalah satu-satu kelebihan.

25) UPHOLSTERER — $830-$1295 sebulan.
Calon-calon mestilah pernah menjalani kursus yang cukup dalam kerja-kerja jahit-menjahit dan boleh memahami Bahasa Melayu dan Inggeris. Mempunyai pengalaman dalam penerbangan sangat diutamakan.

Pemohon-pemohon hendaklah menulis seboleh-bolehnya dalam Bahasa Inggeris dengan mengatakan butir-butir keterangan pemohon dengan mengembarkan sijil-sijil kelayakan dan hendaklah menghantarnya kepada Penolong Pengurus Kakitangan, Bahagian Pengambilan, Pejabat Kakitangan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Peti Surat 737, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 17hb Mei, 1983.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles to the Depatrment of Agriculture, Brunei.

ITEM 1
5 Units Long Wheel Base Station Wagon of the following specifications:
(a) Six Cylinder Petrol engine of pistons displacement to be not less than 3500 c.c.; naturally aspirated.
(b) Minimum seating capacity — 10 persons.
(c) Long Wheel Base (9½ ft. min.)
(d) Four Wheel Drive
(e) Tyres: 6.5x16x6PR all round.

ITEM 2
3 Units 2.5 Ton Flatbed Truck of the following specifications:
(a) Four Cylinder Petrol engine of pistons displacement to be not less than 1900 c.c.; naturally aspirated
(b) Dropside body to maximum length permitted (length of cargo bed — 14 ft min).
(c) Minimum Payload 2.5 tons and with gross behicle weight to be not less than 4.25 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(d) Tyres: 6.5r16 — 8PR all round.

ITEM 3
3 Units 7-ton Flatbed Truck of the following specifications:
(a) Six Cylinder Diesel engine in the range in the 6000 c.c., naturally aspirated.
(b) Minimum Payload 7 tons and with gross vehicle weight to be not less than 12 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(c) Dropside body to maximum length permitted (length of cargo bed — 20 ft. min.)
(d) Tyres: 8.25x20 x 14PR all round.

ITEM 4
3 Units 7-ton Tipper Truck of the following specifications:
(a) Six Cylinder Diesel engine in the range of 6000 c.c.; naturally aspirated.
(b) Minimum Payload 7 tons and with gross vehicle weight to be not less than 12 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(c) All steel heavy duty rear dump tipper body of at least 5.5 cu. yd., and must be factory fitted.
(d) Tyres: 9.00x2014PR all round.

ITEM 5
1 Unit 5-ton Flatbed Truck fitted with HIAB 650 Crane of the following specifications:
(a) Minimum Payload 5 tons, and with gross vehicle weight to be not less than 10 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(b) Six Cylinder Diesel engine of pistons displacement to be not less than 5700 c.c.; naturally aspirated.
(c) Cargo bed must be of dropside body with minimum length, 18ft.
(d) The HIAB 650 Crane must be factory fitted.
(e) Tyres: 8.25x20x12PR all round.

ITEM 6
2 Units 25-Seater Bus of the following specifications:
(a) Four Cylinder Petrol engine; naturally aspirated. Pistons displacement to be not less than 1900 c.c.
(b) 25-eating Capacity (minimum)
(c) Gross Vehicle weight to be not less than 3.75 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(d) The Bus must be factory built
(e) Tyres: 6.5x16x8PR all round.

ITEM 7
2 Units Jeep of the following specifications:
(a) Four Wheel Drive
(b) Soft Canvas Top
(c) Four Cylinder Petrol engine of pistons displacement to be not less than 900 c.c.; naturally aspirated.
(d) Minimum Seating Capacity — 6 persons; rear seats should be provided.
(e) Tyres: 6x16x4PR all round.

Successful tenderers are required to submit Spare Part Books, Workshop Manuals and Instructions Book on or beforethe delivery of the stated items.

Colour and lettering specifications of vehicles etc. may be obtained from Agriculture Officer (Engineering). Approximate date of delivery and warranty period must be stated. All items are to be delivered c.i.f. (Duty or without Duty) to the Department of Agriculture Workshop, Kilanas, Brunei after predelivery service for inspection and acceptances tests by theAgriculture Officer (Engineering).

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "Department of Agriculture Machinery Equipment — Confidential," to the Chairman, Tenders Board, Brunei not later than noon on Monday 30th May, 1983.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN VIDEO TAPE 1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan bagi membekalkan Video Tape PAL 625 Lines.

**VIDEO TAPE PAL 625 LINES**

| | Serial No. | Description |
|---|---|---|
| a) | 175-975GIG | Ampex 175 series 2 inch x 3600 ft, 46 mins Highband Colour Video Tape on 10½ inch reel in 10½ inch Plastic Flame Retardant Shipper. |
| b) | 175-985IIF | Ampex 175 series 2 inch x 4950 ft, 63 mins Highband Colour Video Tape on 12½ inch reel in 14 inch Flame Retardant Shipper. |
| c) | 175-995IIF | Ampex 175 series 2 inch x 720 ft, 92 mins Highband Colour Video Tape on 14 inch reel in 14 inch Flame Retardant Shipper. |
| d) | 196-317OCR | Ampex 196 series 1 inch x 3169 ft, 66 mins High Energy Video Tape on 9 inch Precision Metal reel in 10½ inch Flame Retardant Shipper 'C' Format. |
| e) | 196-461OHR | Ampex 196 series 1 inch x 4610 ft, 97 mins High Energy Video Tape on 9 inch Precision Metal reel in 10½ inch Flame Retardant Shipper 'C' Format. |
| f) | 167-KCA-60 | Ampex 167 series ¾ inch 60 mins Helical Scan U-Matic Video Cassette Tape in Styrene Shelf Bix. |
| g) | 102-E60-IC | Ampex 102 series ½ inch 60 mins VHS PAL/SECAM Video Cassette Tape. |
| h) | 102-E120-IC | Ampex 102 series ½ inch 120 mins VHS PAL/SECAM Video Cassette Tape. |
| i) | 102-E180-IC | Ampex 102 series ½ inch 180 mins VHS PAL/SECAM Video Cassette Tape. |

2. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan jenis (brand) pita, panjang pita (dalam kiraan minit) serta harganya dan tempoh pita-pita itu boleh dibekalkan setelah mendapat pesanan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup tanpa tanda-tanda yang menunjukkan nama atau alamat pihak yang menawarkan, dan ditanda dengan jelas pada sampul surat TAWARAN UNTUK PITA VIDEO KEPADA RTB.
4. Tawaran-tawaran yang diterima selepas pukul 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei 1983 tidak akan dilayan.
5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang tawaran.

# TYT Nakasone adakan lawatan singkat

(Dari muka 1)

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain.

Hadir sama ialah Y.D.M. Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah dan Datin Hajjah Zahrah.

Setelah sempurna Istiadat Mengadap, T.Y.T. Yasuhiro Nakasone dan rombongan telah diraikan dalam satu majlis jamuan makan tengah hari yang diberikan oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bertempat di Dewan Persantapan Istana Edinburgh.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan T.Y.T. Yasuhiro Nakasone masing-masing bertukar balas ucapan di majlis tersebut.

Setelah hampir berada kira-kira empat jam di negeri ini T.Y.T. Yasuhiro Nakasone dan rombongan kemudiannya telah berlepas pulang meninggalkan negeri ini.

Di lapangan terbang, beliau sekali lagi menerima penghormatan dari perbarisan kehormatan yang sama dan diucapkan selamat jalan oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah. Juga hadir ialah pembesar-pembesar negara.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah mengalu-alukan ketibaan TYT Yasuhiro Nakasone di lapangan terbang, disertai oleh YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (kanan terlindung).

# GAMBARAN YANG SALAH DAN KELIRU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin menegaskan kedudukan negeri Brunei yang mantap serba sedikit telah cuba digugat oleh beberapa anasir luar negeri dengan memberikan gambaran yang salah dan keliru menerusi berita-berita di akhbar-akhbar dan majalah.

Beliau berkata di masa lalu kedudukan penduduk-penduduk yang bukan rakyat di negeri ini telah diputar-belitkan seolah-olah ada motif tertentu untuk menjadikan soal kerakyatan satu isu selepas merdeka bagi mendapatkan simpati kuasa asing.

Katanya, pada akhir-akhir ini pula (soal) pertahanan dan keselamatan di dalam negeri telah diberi gambaran dengan spekulasi yang tidak berasas yang disebarkan oleh orang yang tidak berniat baik terhadap negeri Brunei iaitu kerajaan dan rakyat.

Berucap kepada seramai 48 orang peserta taklimat dari Mukim Bukuk Daerah Temburong di bilik taklimat Penerangan di sini pada hari Khamis lepas, beliau menambah dalam menjelang kemerdekaan orang luar kini semakin memberi perhatian kepada kita.

Awang Haji Badaruddin menyatakan kedudukan Brunei sebagai negeri kecil di rantau ini ternyata tidak dipandang kecil dari segi peranan dan sumbangannya bagi kerjasama dalam hubungan antarabangsa.

Taraf hidup tinggi yang dinikmati oleh rakyat membawa kepada kemantapan sosio-politiknya telah menjadi banyak pihak luar negeri menaruh keyakinan masa depan yang cerah bagi Brunei dan rakyatnya.

"Kemantapan sosio-politik negeri ini sebenarnya bukan semata-mata kerana pengaruh ekonomi bahkan kerana kita mempunyai fahaman kenegaraan serta sikap yang sederhana berdasarkan latar-belakang kebudayaan dan pengalaman sejarah sebagai bangsa yang dipengaruhi oleh ajaran-ajaran ugama," katanya.

Dengan kedudukan yang demikian beliau mengingatkan kita patutlah berwaspada kerana tidak mustahil gembar-gembur di luar negeri yang mengelirukan itu dimaksudkan juga untuk mempengaruhi pendapat dan fikiran umum dalam negeri.

Tujuan yang demikian itu jelasnya adalah untuk mengwujudkan susunan yang tidak menentu di dalam negeri dan seterusnya bagi melemahkan kedudukan Brunei di dalam menghadapi dan mengatasi berbagai-bagai isu penting untuk masa depan.



TYT Yasuhiro Nakasone dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta isteri masing-masing ketika berada di pentas khas untuk menerima tabik hormat.

# Hasilkan 175 ribu tong

SERIA. — Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, hanya akan mengeluarkan penghasilan pada matlamat yang tertentu, iaitu pada kadar 175,000 tong setahun dalam jangkaan lima tahun.

Awang Mohd. Sharif bin Haji Naweh seorang pegawai kanan syarikat itu berkata, penyekatan itu dibuat sejak tahun 1982 berikutan dengan ketidak-stabilan harga minyak dan kedudukan pasaran minyak dunia ketika ini.

Bagaimanapun, Awang Mohd. Sharif menjelaskan tindakan itu tidak bererti negara kita akan menyekat penghasilan minyak.

"Tindakan menyekat juga memberi harapan besar bagi negara ini untuk mengeluarkan minyak dalam berpuluh-puluh tahun yang akan datang," jelasnya.

Awang Mohd. Sharif ketika menjelaskan kepada 48 orang penduduk Mukim Bukuk di Pusat Penerangan Shell di sini menambah dari jumlah yang dikeluarkan itu, 142, 000 tong antaranya penghasilan luar pantai, sementara 33,000 tong lagi adalah penghasilan padang minyak di daratan.

Awang Mohd. Sharif berkara bahawa kemuncak hasil padang minyak Seria dari 600 buah telaga ialah 115,000 tong minyak mentah sehari.

Bagaimanapun, dalam tahun 1961 hanya didapati 350 buah telaga sahaja yang aktif, masih kuat dan cekal mengeluarkan penghasilan, sehingga pada tahun tersebut Syarikat Minyak Shell Brunei hanya memperolehi 65,000 tong minyak mentah sehari.

Usaha mencari-gali minyak dilaksanakan bagi kawasan luar pantai, iaitu di kawasan perairan pantai Seria/Belait dalam mana pada tahun 1963, Ampa Barat Daya yang letaknya kira-kira lapan batu daripada pantai telah mula mengeluarkan hasil minyak. Ini diikuti pula oleh Fairley, Champion dan tambatan pelampong tunggal dan gas cecair pada tahun 1972.

## Haram cendawan tin dibatal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengharaman terhadap penjualan beberapa jenis cendawan dalam tin yang diimpot dari Taiwan telah dibatalkan.

Menurut Pegawai Perubatan Kanan bahagian Kesihatan, menyatakan lapuran yang memuaskan hasil dari penyelidikan contoh-contoh yang dihantar ke Singapura, bahawa cendawan tersebut tidak mengandungi racun.

Pengharaman beberapa jenis cendawan Taiwan itu dikuatkuasakan dalam bulan Mac lalu, berikutan beberapa kematian di Sydney, Australia kerana memakan cendawan Taiwan yang dipercayai mengandungi racun.

# Lebih 5 rib... hutan terb...

(Dari muka ...

ini, Awg Zaidi ber... cuma berusaha ... kebakaran-kebakaran ... 'kawasan-kawasan ... dimasuki dan difikirk... jejaskan kerosakan ke ... da awam, manaka... adalah kebakaran h... bukit yang sukar di... dari bekalan air.

"Walau bagaim... Bomba berusaha juga ... boleh mengawal keb... bertambah buruk ... dangkan kekurang... anggota-anggota ma... kelengkapan yang a... terpaksa menggerak... anggota yang lepas ... tujuan itu dan menem... kereta Bomba dari ... daerah-daerah yang ... panggilan-panggilan ... banyak," ujarnya.

# Tingk... ta... hi... yang ... ba...

BANDAR SE... — Rakyat ... mengekalka... ingkatkan ... mereka ke... yang lebih ... kemantapan ... akan sama-... dan terus di...

Pengarah ... Awg. Haji ... Pengarah Hj ... gesa demiki... jawab soalan ... peserta takli... Bukuk, Te... diadakan di ... ini.

Tanggun... menurutnya ... dipikul oleh ... juga tangg... dan bangsa ...

Katanya ... meneruskan ... taraf yang ... terlaksana ... atau perasaan ... itu tidak ada ...

"Dari itu ... hendaklah ... persafahaman ... rakyat, ... berterusan ... penting ... untuk beker... ji Badarudd...

Menurut... mana pun ... merdeka ... kebangsaan ... atau pudar ... akan mu... kuasa-kuasa ...

Oleh ... jaminan ... bagi negeri ... bah Awang ... bukanlah ... atau simpa... yang ada di ... rakyat ... kesedaran ... memajuk...

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.